

BAB II

HUATUAN DARI PERSPEKTIF SEJARAH, 1801-1969

2.1 Pengenalan

Orang-orang Cina yang datang ke Tanah Melayu¹ berasal dari selatan China, terutamanya dari wilayah Kwangtung dan Fukien.² Mereka terdiri daripada suku-suku kaum yang berbeza. Keadaan ini kemudiannya membentuk satu masyarakat Cina yang heterogenous di negara ini. Kedatangan mereka didorong oleh keperitan hidup yang disebabkan oleh keadaan hura hara yang berlaku di selatan China (Yen 1986). Penderitaan hidup mereka ditokok dengan hasil pertanian yang tidak memuaskan yang terjadi dari semasa ke semasa. Selain itu, peluang rezeki yang wujud di Asia Tenggara juga menyumbang kepada penghijrahan mereka (Purcell 1967). Jarak perjalanan yang tidak begitu jauh dan kemudahan pengangkutan turut menggalakkan penghijrahan.

Migrasi orang-orang Cina ini ke Tanah Melayu berlaku dalam beberapa tahap masa yang berlainan . Ini terjadi dari sekitar zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga ke awal abad ke-20. Secara kasarnya tahap-tahap ini dapat dikenal pasti berdasarkan bentuk komuniti yang terhasil. Pembentukan komuniti Baba di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang lebih dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat menandakan sejarah awal migrasi ini. Selain itu terdapat satu lagi golongan orang Cina yang dipanggil orang Cina Peranakan Kelantan yang

¹ Untuk tujuan kajian ini, Tanah Melayu yang dimaksudkan merangkumi negeri-negeri di Semenanjung dan Singapura sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kata Malaysia digunakan dalam huriahan selepas 1963.

² Dalam bahasa Cina, istilah Guangdong dan Fujian digunakan.

perkembangan masyarakat Cina dengan lebih teliti. Subtopik berikut menyerlahkan perkara ini.

2.2 Sejarah Kedatangan dan Perkembangan Masyarakat Cina

Sejarah petempatan orang Cina di Tanah Melayu dapat ditelusuri seawal abad ke-14. Sungguhpun hubungan antara negara China dengan Asia Tenggara sudah terjalin pada masa yang lebih awal⁵ tetapi tiada petempatan orang Cina dapat dikesan. Petempatan orang Cina yang terawal di Temasik, iaitu Singapura telah dilapor oleh Wang Ta-yuan, seorang pedagang Cina pada tahun 1349 (Purcell 1960 : 2). Manakala petempatan imigran Cina yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu juga diberi oleh sumber Cina. Fei Hsin, seorang pengikut laksamana Cheng Ho melaporkan pada tahun 1436 sudah terdapat orang Cina yang menetap di Melaka (Wheatley 1980 : 325). Rombongan laksamana Cheng Ho pada waktu itu bertujuan mengunjungi kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Migrasi kelompok awal ini hanya bersifat kecil-kecilan sahaja. Petempatan-petempatan mereka didirikan di sekitar kawasan pelabuhan seperti di Melaka dan Singapura. Kebanyakan imigran awal ini terdiri daripada saudagar yang ingin berdagang dengan penduduk tempatan. Oleh sebab kesemua kelompok ini terdiri daripada kaum lelaki, maka ada di kalangan mereka berkahwin dengan wanita tempatan yang kebanyakannya bangsa Melayu. Wanita-wanita ini tidak mengetahui dialek Cina, maka bahasa perhubungan di dalam keluarga ialah bahasa Melayu . Cara hidup ala Melayu juga diamalkan

⁴ Istilah ini merupakan terjemahan daripada bahasa Mandarin. Wang Gungwu banyak menulis tentang perkara ini. Lihat umpamanya Wang (1981 : 118-127 & 249-260).

dalam keluarga (Tan 1988). Dalam keadaan sedemikianlah budaya Baba mula terbentuk sejak abad ke-18.

Dengan pertapakan kuasa Inggeris di Pulau Pinang yang dimulakan oleh Francis Light pada tahun 1786, kemasukan imigran-imigran Cina ke Tanah Melayu mengalami sedikit pertambahan. Mereka bukan sahaja berdagang, malah sudah mula mengusahakan tanaman kontan di Seberang Prai. Antara tanaman yang ditanam ialah lada, tebu, gambir, kelapa, dan sireh. Kedatangan orang-orang Cina menjadi lebih giat lagi apabila pihak Inggeris menguasai Singapura pada tahun 1819 dan pengambilalihan Melaka dari tangan Belanda pada tahun 1824. Namun bilangan imigran-imigran ini masih tidak cukup besar untuk membentuk satu komuniti tersendiri yang berasingan. Mereka berakulturasi dengan masyarakat tempatan dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu mereka menyerap ke dalam komuniti Baba yang membawa kepada perkembangan komuniti tersebut.

Perubahan yang ketara dalam corak migrasi orang Cina berlaku pada pertengahan abad ke-19. Ini adalah kerana kerajaan Ching memberi kelonggaran dalam migrasi penduduknya bermula dalam tahun 1860 yang membawa kepada pemansuhan larangan migrasi penduduk secara tuntas pada tahun 1893⁶ (Yen 1985 : 249-266). Dengan perkembangan ini, penduduk di selatan China mula berhijrah secara besaran-besaran ke Asia Tenggara. Pembentukan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 yang bertujuan mengemaskan pentadbirannya untuk berfungsi sebagai

⁵ Hubungan ini wujud dalam bentuk diplomatik, perdagangan, dan lawatan sami yang telah terjalin pada tahun sebelum masihi, iaitu pada sekitar dinasti Han di China. Untuk keterangan lanjut, lihat Wang (1958) dan Wheatley (1956).

⁶ Pemansuhan larangan ini berkait rapat dengan kekalahan negara China dalam perang antaranya dengan kuasa British dan Perancis yang tamat pada 1860. Antara kesan kekalahan itu

kuasa ekstraktif ekonomi juga merupakan faktor penggalak. Penemuan kawasan yang kaya dengan bijih timah di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu merangsang kemasukan orang-orang Cina. Sistem kuli⁷ yang berjalan pada ketika itu juga memastikan pembekalan tenaga buruh murah yang sangat diperlukan dalam industri bijih timah tidak terputus. Dengan campur tangan kuasa British di Tanah Melayu yang bermula pada tahun 1874⁸, arus kedatangan ini diperhebat. Corak kemasukan ini berterusan untuk beberapa dekad. Hanya dengan penggubalan Ordinan Pengawalan Imigran dan Ordinan Orang Asing masing-masing pada tahun 1930 dan 1933, corak kemasukan ini baru disekat. Namun bilangan orang Cina di Tanah Melayu telah bertambah dengan mendadak. Akibatnya komposisi penduduk turut mengalami perubahan. Umpamanya pada tahun 1901, bilangan orang Cina (299,739) di Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah melebihi bilangan penduduk Melayu yang berjumlah 285,278 orang (Heng 1988 : 11). Manakala pada tahun 1941 peratusan orang Melayu, Cina, dan India di Tanah Melayu ialah masing-masing 41%, 43%, dan 14 % (Purcell 1960 : 10).

Satu ciri khas yang membezakan migrasi tahap kedua dengan tahap awal ialah golongan wanita turut menyertai arus penghijrahan ini selepas tahun 1893 (Wang 1981 : 118). Kemasukan imigran-imigran perempuan meningkat dengan ketara pada penghujung abad ke-19. Ini dapat mengimbangi jumlah imigran Cina dari segi jantina. Apa yang lebih signifikan ialah imigran lelaki dapat berkahwin

ialah China terpaksa menandatangani perjanjian dengan kuasa British yang membenarkan rakyatnya bekerja di seberang laut, lihat umpamanya perbincangan dalam Yen (1986).

⁷ Yen (1985) berpendapat sistem tersebut sudah wujud dengan kukuh pada awal tahun 1850-an.

⁸ Campur tangan ini bermula dengan termeterainya Perjanjian Pangkor yang membolehkan kuasa British menempatkan seorang Residen di Perak untuk memberi nasihat kepada sultan dalam

dengan wanita Cina yang seterusnya membawa kepada pembentukan keluarga Cina. Natijahnya model pembentukan komuniti Baba yang berjalan sekian lama sudah disisih. Dengan perkembangan ini satu komuniti Cina yang utuh telah terbentuk (Yen 1986 :10). Komuniti baru ini membawa bersama budaya Tionghoa tradisional yang dipraktikkan di negara asal ke petempatan baru mereka. Mereka hidup dalam petempatan yang tersendiri dan terasing daripada masyarakat Melayu dan komuniti Baba setempat. Oleh sebab kehidupan komuniti baru ini serba lengkap, maka pertembungan budaya jarang berlaku antara mereka dengan masyarakat setempat.

Pada dasarnya masyarakat Cina di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 terdiri daripada dua jenis komuniti yang ketara, iaitu komuniti imigran dan komuniti Baba (Chui 1990 : 3). Oleh sebab faktor sejarah, kedua-dua komuniti ini berbeza dalam banyak aspek. Komuniti imigran menganggap budaya Tionghoa sebagai intipati kebudayaan mereka. Untuk memastikan pengekalan budaya tradisional ini, mereka mendirikan sekolah Cina di merata-rata tempat. Di samping itu penerbitan surat-surat khabar turut diusahakan untuk membolehkan ahli-ahli kelompok ini mengetahui perkembangan komuniti dan negara China melalui wahana bahasa ibunda. Manakala komuniti kedua pula mengamalkan budaya Baba dalam kehidupan mereka. Menurut Tan Chee Beng (1988 : 52), dengan penguasaan penjajah British dan peluasan sistem pendidikannya, budaya Baba yang tulen mula menyerap kedalamnya unsur-unsur Barat.

semua perkara kecuali adat istiadat Melayu dan agama Islam. sistem Residen ini kemudiannya diperluas ke negeri Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang.

Identiti kenegaraan (National identity) yang ditunjukkan oleh kedua-dua komuniti ini pada zaman sebelum Perang Dunia kedua juga berbeza. Komuniti imigran yang masih mempunyai talian dengan negara China banyak dipengaruhi oleh perkembangan politik di sana. Kesan daripada tindakan kerajaan Ching pada akhir abad ke-19 untuk menghapuskan gerakan revolusi telah sampai ke Tanah Melayu. Keadaan ini mewujudkan kesedaran politik komuniti dan menyebabkan rata-rata mereka mengkiblatkan identiti kenegaraan mereka kepada negara China. Kumpulan pro-Dinasti Ching dan pejuang revolusi⁹ sering berkunjung ke Tanah melayu untuk meraih sokongan dalam bentuk kewangan dan tenaga. Natijahnya komuniti ini telah berpecah kepada dua puak yang bertentangan.

Manakala komuniti Baba tidak banyak dipengaruh oleh percaturan politik di China. Identiti kenegaraan mereka bersifat tempatan, iaitu mengkiblat kepada penjajah Inggeris (Chui 1984 : 60-61). Mereka menganggap diri mereka warga-negara British dan memberi ketaatan kepada kerajaan British. Mereka mengutuk keras dasar kerajaan China yang menentukan kerakyatan seseorang berdasarkan pertalian darah. Hal ini demikian kerena dasar tersebut menggolongkan mereka sebagai warganegara China. Tokoh-tokoh Baba yang terkenal seperti Lim Boon Keng, Song Ong Siang, Seah Liang Seah, dan beberapa orang lagi menu buhkan *Straits Chinese British Association* (SCBA) di Singapura pada tahun 1900. Cawangannya di Melaka dan Pulau Pinang masing-masing ditubuhkan pada tahun 1900 dan 1920. Salah satu objektif penubuhannya ialah menggalak dan memastikan ketaatan di kalangan ahli kepada permaisuri England (Tan 1988 : 54).

⁹ Untuk keterangan lanjut tentang pembabitan orang-orang Cina Asia Tenggara dalam Revolusi China 1911 dan kegiatan para pejuang revolusi, lihat Yen (1976).

Pendudukan Jepun (1941-1945) telah mengubah senario politik Tanah Melayu. Perkembangan nasionalisme keetnikan yang merangkumi kaum Melayu, Cina dan India memuncak pada tempoh sejurus kekalahan tentera Jepun. Akibatnya identiti kenegaraan orang-orang Cina mula mengalami perubahan. Chui Kwei Chiang (1990 : 3-4) dalam kajiannya mengenal pasti tempoh 1945-1949 sebagai zaman percambahan dalam perubahan identiti kenegaraan komuniti imigran dan komuniti Baba. Tempoh 1950-1955 pula merupakan zaman transisi perubahan tersebut. Manakala tempoh 1956-1959 diklasifikasikan sebagai zaman permulaan perubahan identiti kenegaraan secara agresif. Perubahan ini merupakan satu proses dan terus berlaku selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Kewujudan peristiwa-peristiwa politik dalam sesuatu tempoh masa tertentu ini telah menyemarakkan proses perubahan ini. Umpamanya rancangan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu yang diperkenal oleh kuasa British mula dipandang serius oleh masyarakat Cina dalam tempoh pertama. Penubuhan Malaysian Chinese Association (MCA) pada tahun 1949 dan kegiatannya menandakan peristiwa penting dalam tempoh kedua. Kemerdekaan negara pula menjadi peristiwa terpenting dalam tempoh ketiga. Berikutnya peristiwa terpenting ini, kebanyakan orang Cina menganggap diri mereka warganegara negara baru ini. Gambaran yang diberi oleh Wang Gungwu (1991 : 201) jelas menunjukkan kecenderungan tersebut:

The strong local Chinese Community was on the whole willing to abandon Chinese nationalist identity and replace it

with the new Malayan national identity, but had at the same time developed a powerful sense of communal identity to assert the community's right to share power in the country. The community leaders still retained some sense of their earlier historical identity as Chinese and also sought to have the cultural features of that identity officially recognized as an integral part of a composite Malayan national identity.

Dengan perubahan identiti kenegaraan ini orang-orang Cina yang diwakili oleh komuniti imigran dan komuniti Baba mula mengambil bahagian yang aktif dalam percaturan politik Tanah Melayu. Persatuan-persatuan yang bersifat politik dan bukan politik ditubuhkan atau yang sedia ada digembleng untuk menjaga hak dan kepentingan masyarakat Cina. Umpamanya Huatuan mula memperjuangkan isu kerakyatan, bahasa, dan pendidikan Cina dalam tahun 50-an. Peranan Huatuan menjadi lebih menonjol menjelang kemerdekaan Tanah Melayu dan zaman-zaman selepasnya. Oleh itu perhatian perlu diberi untuk meneliti sejarah perkembangan persatuan Cina tersebut. Topik kecil seterusnya menjelaskan perkara ini.

2.3 Kemunculan dan Perkembangan Huatuan dalam Masyarakat Cina.

Masyarakat imigran Cina memang terkenal dengan budaya berpersatuan. Kewujudan persatuan dan pertubuhan atau Huatuan ini berkait rapat dengan sejarah kedatangan mereka. Walaupun kebanyakan imigran ini datang dari wilayah Kwangtung dan Fukien tetapi mereka berasal dari daerah yang berlainan di kedua-dua wilayah itu. Mereka terdiri daripada Hokkien, Kantonis, Teochew, Hakka, Hailam, Foochow, Kongsai, dan beberapa suku kaum yang lain.¹⁰ Suku-suku kaum ini berbeza dalam pelbagai aspek kehidupan. Natijahnya mereka juga membawa bersama sikap kedaerahan yang ketara ke Tanah Melayu (Yen 1986 : 37).

¹⁰ Nama bagi suku-suku kaum ini dalam bahasa Cina ialah Fujian (Minan), Guangdong/Guangzhou/Guangfu, Chaozhou, Kejia, Hainan, Fuzhou, dan guangxi.

Kecenderungan ini mendorong mereka yang menggunakan dialek yang sama untuk tinggal, berkumpul, dan berhibur bersama atas faktor keselamatan dan bantuan. Ini menyediakan keadaan yang kondusif untuk memulakan persatuan.

Selanjutnya, kehidupan imigran-imigran di tanah baru ini merupakan satu cabaran yang besar lantaran pelbagai rintangan dan keperitan perlu ditempuhi. Hal ini demikian kerana persekitaran di Tanah Melayu begitu asing untuk mereka. Mereka terpaksa menjalani kehidupan di bawah pemerintahan baru dan tanpa sanak-saudara. Keadaan ini mendorong mereka mengidentifikasi diri mereka dengan kelompok yang sama dialek yang juga dikenali dengan panggilan *Bang*.¹¹

Kedua-dua faktor di atas menggalakkan usaha penubuhan persatuan dialek atau lebih dikenali sebagai *Huiguan* di kalangan imigran. *Huiguan* yang terawal, iaitu Persatuan Chia Ying yang ditubuhkan di Pulau Pinang seawal tahun 1801 (Wu 1980 : 1-2; Chee 1971 : 95). Namun sebelum kewujudan *Huiguan*, sudah terdapat dua bentuk pertubuhan yang lain, iaitu tokong dan pertubuhan tanah perkuburan. Umpamanya tokong Cheng Hoon Teng di Melaka telah didirikan pada tahun 1673. Tokong kedua terawal yang bernama *Guangfugong* pula didirikan di Pulau Pinang pada tahun 1799. Kedua-dua jenis pertubuhan ini merupakan perintis kepada penubuhan *Huiguan* (Chui 1990 : 7). Ini adalah kerana *Huiguan* pada peringkat awal kebanyakan menjelma dalam bentuk tokong dan pertubuhan tanah perkuburan.

¹¹ Terdapat lima *Bang* utama yang dibentuk berdasarkan suku kaum Hokkien, Teochew, Kantonis, Hakka, dan Hailam. Untuk maklumat lanjut lihat Cheng (1985), Suyama (1977), dan Yong (1977).

Selain *Huiguan*, imigran-imigran awal juga menubuhkan persatuan keluarga (clan associations). Pembentukan jenis persatuan ini berdasarkan pertalian darah dan kesamaan nenek moyang. Ekoran daripada syarat ini, ahli-ahli sesuatu persatuan keluarga memiliki nama keluarga (surname) yang sama. Penubuhan jenis persatuan ini bertitik tolak daripada keperluan untuk mengamalkan adat resam tradisional, terutamanya dalam hal pemujaan nenek moyang dan sambutan hari perayaan serta pengurusan kematian (Yen 1986 : 74). Dengan ini persatuan keluarga menyuguhkan kemudahan kepada ahli-ahlinya melakukan aktiviti di atas secara bersama dan meriah. Sejarah penubuhan persatuan keluarga yang terawal di Tanah Melayu dapat ditelusuri pada tahun 1819, iaitu penubuhan persatuan keluarga Ts'ao di Singapura. Selepas itu pelbagai jenis persatuan keluarga ditubuhkan di beberapa tempat di Tanah Melayu lantaran dapat menjaga keperluan praktikal imigran-imigran Cina.

Satu lagi pertubuhan yang wujud dalam abad ke-19 ialah persatuan perniagaan. Persatuan ini ditubuhkan agak lewat, iaitu selepas kemunculan *Huiguan* dan persatuan keluarga. Kewujudannya berkait rapat dengan kegiatan ekonomi imigran-imigran Cina. Penyertaan mereka dalam bidang ekonomi telah membawa kepada perkembangan pusat-pusat bandar yang seterusnya menimbulkan keperluan untuk menjaga hak mereka dalam sesuatu bidang pekerjaan. Dalam keadaan yang demikianlah maka persatuan perniagaan yang terawal mula ditubuhkan pada tahun 1857 (Lin & Zhang 1991 : 259). Persatuan perniagaan yang ditubuhkan meliputi bidang pekerjaan yang diceburi orang-orang Cina pada abad ke-19. Ini merangkumi bidang pertukangan, peleburan besi, pembuatan kasut, tukang jahit dan pengusaha gambia, lada hitam, sago, dan nanas. Pada

peringkat awal perkembangannya, persatuan ini bergerak atas landasan dialek. Ini adalah kerana terdapat kecenderungan sesuatu suku kaum itu menceburi bidang pekerjaan yang tertentu.¹²

Perbincangan kita tentang pertubuhan awal masyarakat Cina tidak akan sempurna tanpa penelitian terhadap satu lagi organisasi, iaitu kongsi gelap.¹³ Sebenarnya kongsi gelap ini mempunyai sejarah penubuhan yang lebih awal daripada *Huiguan*. Kewujudan kongsi gelap di Tanah Melayu telah dikesan oleh Francis Light di Pulau Pinang seawal tahun 1794 dan kekacauan yang dibawa olehnya telah dicatat pada tahun 1799 (Purcell 1967 : 40 & 156).

Purcell (Ibid : 155) berpendapat kongsi gelap di Malaya berasal dari Thian Ti Hui yang juga digelar Hung League atau Triad Society yang terdapat di negara China. Thian Ti Hui yang ditubuhkan di China pada tahun 1674 merupakan organisasi kebajikan rakyat dan penentang Dinasti Ching. Bentuk organisasi ini telah dibawa oleh imigran-imigran Cina dan penentang-penentang kerajaan Ching yang melarikan diri daripada kezaliman ke Tanah Melayu.

Kongsi gelap merupakan pertubuhan yang mementingkan pembelaan ahlinya dan mampu menggembungkan tenaga yang kuat dan banyak untuk menentang sesuatu kekuasaan. Ciri-ciri demikian mendorong imigran-imigran Cina untuk menyertai konsi gelap. Mereka yang kebanyakannya bekerja sebagai kuli

¹² Han (1975) yang membuat kajian tentang komuniti orang Cina di Sabah mendapati wujud perkaitan antara jenis pekerjaan dengan sesuatu suku kaum. Fenomena ini juga wujud di negeri-negeri lain yang didiami orang Cina.

¹³ Terdapat banyak kajian tentang pertubuhan ini. Antara yang penting ialah Mak (1981) dan Blythe (1969).

mendepani pelbagai kesulitan memerlukan pertubuhan ini untuk melindungi mereka daripada penindasan dan kezaliman kuasa penjajah atau raja-raja Melayu tempatan. Dengan kecenderungan ini, kongsi gelap berkembang dengan pesat selepas pengenalannya di Tanah Melayu.

Perkembangan merangsangkan yang dialami oleh kongsi gelap sebelum tahun 1890 berpunca daripada sikap *laissez faire* kuasa British terhadap kegiatannya. Terdapat pegawai-pegawai British yang menganggap pertubuhan ini sebagai satu kuasa penstabilan dalam komuniti Cina kerana kemampuannya untuk menjaga keamanan dan peraturan (Yen 1986 : 115). Mereka ingin menggunakan kongsi gelap sebagai perantara kerajaan British dengan imigran-imigran Cina. Oleh yang demikian kerajaan pada tempoh masa itu tidak berhasrat mengekang dan mengawal pertubuhan itu.

Namun perkembangan seterusnya menyaksikan kongsi-kongsi gelap bertukar menjadi pertubuhan jenayah. Ini mendorong kuasa British bertindak terhadap kongsi gelap. Pada tahun 1869, "Suppression of Dangerous Societies Ordinance" diperkenal. Ini diikuti oleh pelantikan W.A. Pickering sebagai "Chinese Protectorate" pada tahun 1877 yang bertujuan mengawal imigran-imigran Cina. Tindakan yang lebih keras menyusul pada tahun 1890, iaitu penguatkuasaan "Societies Ordinance 1889". Ordinan ini membawa kepada pengharaman semua kongsi gelap dan seterusnya ramai pemimpinnya dihalau keluar dari Tanah Melayu.

Dengan pengharaman ini, perkembangan kongsi gelap dapat disekat secara tuntas oleh kerajaan British. Pemimpin -pemimpin Cina, termasuklah kapitan-kapitan terpaksa memutuskan hubungan mereka dengan pertubuhan itu.¹⁴ Ekoran daripada ini, mereka cuba mengekalkan kepimpinan mereka dengan menyertai Huatuan jenis dialek dan keluarga. Keadaan ini menggalakkan perkembangan Huatuan selepas tahun 1890. Menurut Wu Hua (1984 : 112-115), perkembangan Huatuan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dapat dibahagi kepada tahap-tahap berikut:

- I Tahap Permulaan (1801-1890)
- II Tahap Perkembangan (1891-1941)
- III Tahap Kejumudan (1941-1945)
- IV Tahap Pemulihan (1946-1957)

2.3.1 Tahap Permulaan (1801-1890)

Menjelang abad ke-19, Pulau Pinang telah menjadi pusat kegiatan ekonomi dan merangsang kemasukan orang Cina yang banyak ke pulau itu. Dengan penubuhan *Huiguan* yang pertama pada tahun 1801, pelbagai Huatuan dari jenis *Huiguan*, keluarga, dan perniagaan ditubuhkan untuk memenuhi keperluan komuniti yang semakin berkembang. Umpamanya dalam tahap permulaan ini, daripada sejumlah 30 buah persatuan dialek (*Huiguan*) yang wujud di Tanah Melayu, lebih dari 15 buah dikatakan beroperasi di Pulau Pinang (Wu 1984 : 112). Perkembangan yang memberangsangkan ini berpunca daripada pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada 1786 yang berjaya menarik sejumlah orang Cina dari Melaka berhijrah ke sana untuk meneroka bidang perdagangan dan pertanian.

¹⁴ Yen (1986 : 124-128) mendapati terdapat kapitan-kapitan Cina yang berhubung rapat

Perkembangan di Pulau Pinang menjadi perintis kepada penubuhan Huatuan di tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu. Dengan sistem pemerintahan British yang berkesan di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu dan kemasukan orang Cina yang semakin bertambah, Huatuan telah ditubuhkan hampir di setiap negeri di semenanjung. Jadual berikut menunjukkan penubuhan *Huiguan* secara kronologi:

Jadual 2.1 Penubuhan *Huiguan* Mengikut Negeri¹⁵

Tahun Penubuhan	Negeri	Nama <i>Huiguan</i>
1801	Pulau Pinang	Chia Ying <i>Huiguan</i> Pulau Pinang
1805	Melaka	Hui Chou <i>Huiguan</i> Melaka
1840	Negeri Sembilan	Moi Kong Ng Shook Fui Kon Negeri Sembilan
1850	Kedah	Kwangtung & Tengchow <i>Huiguan</i> Kedah
1853	Sarawak	Persatuan Kuang Hui Chao Kucing
1859	Perak	Persatuan Hokkien Taiping
1864	Selangor	Fui Chiu <i>Huiguan</i> Selangor
1878	Johor	Persatuan Kuang Hui Chao Johor Bahru
1890	Sabah	Persatuan Hainan Labuan
1892	Pahang	Persatuan Hakka Kuala Libis
1896	Terengganu	Persatuan Hainan Terengganu
1906	Kelantan	Persatuan Hainan Tumpat

Sumber: Wu (1980); GPCM (1999).

dengan kongsi-kongsi gelap.

¹⁵ Nama-nama *Huiguan* dalam jadual merupakan terjemahan daripada bahasa Cina.

Penubuhan Huatuan di atas berkait rapat dengan aktiviti ekonomi yang diceburi imigran-imigran Cina. Penemuan bijih timah di kawasan Larut, negeri Perak pada tahun 1850 menarik ramai orang Cina berhijrah ke sana. Ini diikuti oleh penemuan bijih timah di kawasan Sungai Kelang, Selangor. Kemasukan secara besar-besaran orang Cina ke Negeri Sembilan pula berlaku pada sekitar tahun 1874 apabila bijih timah telah dikesan di Sungai Ujong. Di Sarawak, orang Cina mula berhijrah ke situ pada sekitar tahun 1850. Penemuan emas di Kuching, Bau, dan Sibu menjadi daya tarikan kepada mereka. Manakala pengenalan sistem Kangchu¹⁶ di Johor berjaya menarik kemasukan ramai orang Cina untuk mengusahakan penanaman lada hitam dan gambir di negeri itu (Purcell 1967 : 100). Dengan perkembangan ini, kawasan-kawasan tersebut menjadi pusat petempatan dan kegiatan orang Cina. *Huiguan* mula didirikan untuk menjaga kepentingan suku-suku kaum tertentu.

Akibat kemasukan orang Cina yang banyak dan dari daerah yang berbeza di negara China, penubuhan *Huiguan* juga berasaskan peringkat pekan, daerah, negeri, dan wilayah dan berpaksikan suku kaum atau kelompok dialek. Pada penghujung abad ke-19, pembentukan lima *Bang* yang utama telah menjadi mantap dan sudah wujud *Huiguan* yang mewakili sesuatu suku kaum. Jadual di bawah menunjukkan sejarah penubuhannya:

Jadual 2.2 Sejarah Penubuhan *Huiguan* Mengikut Suku Kaum.

Tahun Penubuhan	Nama <i>Huiguan</i>	Suku Kaum
1801	Chia Ying <i>Huiguan</i> Pulau Pinang	Hakka
1801	Kwangtung & Tengchow <i>Huiguan</i> Pulau Pinang	Kantonis
1819	Tengchow <i>Huiguan</i> Pulau Pinang	Hokkien
1822	Ch'ao Chou <i>Huiguan</i> Melaka	Teochew
1869	Kheng Chew <i>Huiguan</i> Melaka	Hailam

Sumber: Wu (1980 : 3).

2.3.2 Tahap Perkembangan (1891-1941)

Pengharaman kongsi gelap oleh kuasa British pada tahun 1890 menandakan satu era baru dalam sejarah perkembangan Huatuan di Tanah Melayu. Sejak itu Huatuan tidak lagi dibayangi dan dimalapi oleh pertubuhan haram itu. Peristiwa itu telah meletakkan perkembangan Huatuan di landasan yang mantap dan utuh. Keadaan yang kondusif ini ditokok dengan kemasukan orang Cina yang banyak pada penghujung abad ke-19. Dengan keadaan ini pelbagai persatuan dialek, keluarga, dan perniagaan didirikan seperti cendawan tumbuh lepas hujan. Umpamanya dalam tahap perkembangan ini, bilangan *Huiguan* yang tahun penubuhan dapat dikesan sudah mencecah angka 200 buah (Lin & Zhang 1991 : 351).

Dalam tahap masa ini beberapa perkembangan baru dapat dikesan. Antaranya, Dewan Perniagaan Cina (Chinese Chambers of Commerce-CCC) mula ditubuh di Semenanjung, Sabah, dan Sarawak pada awal abad ke-20. CCC Kucing di Sarawak yang ditubuhkan pada tahun awal 1890-an menjadi pelopor

¹⁶ Sistem ini merupakan satu jenis sistem pajakan yang diperkenal pada zaman Sultan Abu Bakar kepada orang-orang Cina untuk mengusahakan tanaman di kawasan tepi sungai. Untuk

dalam gerakan penubuhan ini (Lockard 1977 : 14) . Penubuhan CCC di beberapa buah negeri, terutamanya di Singapura merupakan hasil dorongan dan desakan Kerajaan Ching. Tujuan kerajaan Ching mengambil inisiatif ini ialah untuk menggalak dan memperkasa aktiviti perdagangan dan perkembangan nasionalisme China di kalangan imigran Cina di Asia Tenggara (Suyama 1977 : 16). Usaha kerajaan China itu membawa kepada penubuhan CCC Singapura pada tahun 1906.

CCC Singapura merupakan dewan perniagaan yang amat penting pada ketika itu. Ini adalah kerana ia merupakan satu-satunya pertubuhan yang menjangkaui batasan dialek dan pucuk pimpinannya terdiri daripada ketua-ketua suku kaum yang terdapat di Singapura. Tambahan pula, keahliannya dianggotai saudagar-saudagar yang mempunyai status tinggi dalam masyarakat imigran. Oleh itu pertubuhan ini berfungsi sebagai organisasi tertinggi masyarakat Cina dan memiliki kewibawaan dan pengaruh yang luas. Struktur pimpinan dan keahlian CCC di negeri-negeri lain juga mirip dengan CCC Singapura dan menikmati pengaruh yang serupa. Penubuhan beberapa CCC penting di semenanjung turut berlaku pada masa yang hampir sama dengan penubuhan CCC Singapura. Dewan-dewan perniagaan yang ditubuhkan itu dapat dikategorikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat daerah dan negeri. Jadual di bawah menunjukkan penubuhan CCC secara kronologi:

maklumat lanjut, lihat Coope (1963) dan Trocki (1976).

Jadual 2.3 Sejarah Penubuhan CCC Negeri

Tahun Penubuhan	Nama CCC
1903	CCC Pulau Pinang
1904	CCC Selangor
1906	CCC Singapura
1907	CCC Perak
1912	CCC Kelantan
1915	CCC Melaka
1936	CCC Kedah
1945	CCC Terengganu
1946	CCC Negeri Sembilan
1946	CCC Pahang
1947	CCC Johor
1955	CCC Sabah
1965	CCC Sarawak
1949	CCC Perlis

Sumber: Wu (1984 : 111); GPCM (1999).

Di samping penubuhan CCC, penubuhan Dewan Perhimpunan Cina (DPC) juga berlaku dalam tahap perkembangan ini. DPC sudah wujud seawal tahun 1875. Pertubuhan yang menjadi perintis kepada penubuhan DPC ialah P'ing Chang *Huiguan* atau "Penang Chinese Town Hall" (Wu 1984 : 111). Sungguhpun namanya berbentuk *Huiguan* tetapi pertubuhan ini merupakan satu organisasi yang merentasi kelompok dialek dan berfungsi menyelesaikan pelbagai perbalahan yang membabitkan suku-suku kaum yang berbeza. Oleh itu pertubuhan ini berperanan sebagai organisasi tertinggi masyarakat Cina di Pulau Pinang pada ketika itu. Nama pertubuhan ini hanya ditukar kepada Dewan Perhimpunan Pulau Pinang pada tahun 1974.

Selain pertubuhan ini, terdapat dua lagi DPC penting yang ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua. DPC tersebut ialah DPC Selangor dan Perak yang

masing-masing ditubuhkan pada tahun 1923 dan 1935. DPC di negeri-negeri lain hanya ditubuhkan pada satu tempoh yang lebih kemudian. Sementara itu, DPC di peringkat daerah turut ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin Cina tempatan. Contohnya, Persekutuan Tiong Hua, Johor Bahru ditubuhkan pada tahun 1922. Persekutuan Tiong Hua Sitiawan, Perak pula didirikan dalam tahun 1934.¹⁷

Perkembangan baru yang selanjutnya dapat dikesan dalam tempoh masa ini ialah terdapat kecenderungan menubuhkan organisasi gabungan persatuan-persatuan dialek di peringkat kebangsaan. Pertubuhan yang memulakan tradisi ini ialah Gabungan Persatuan Hakka Nanyang yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1929. Ini diikuti oleh penubuhan Gabungan Persatuan Kheng Chew yang ditubuhkan oleh suku kaum Hailam pada tahun 1933. Tahun berikutnya orang-orang Teochew pula menubuhkan persatuan gabungan mereka di Pulau Pinang. Penubuhan persatuan gabungan ini memperlihatkan kewujudan kesedaran pemimpin-pemimpin sesuatu suku kaum untuk memperjuangkan kepentingan dan kebajikan kelompok mereka di peringkat yang lebih tinggi.

Huatuan dalam tahap masa ini menunjukkan beberapa ciri yang membezakannya dengan Huatuan peringkat awal. Pemimpin-pemimpin Cina mula menunjukkan bibit-bibit kesedaran untuk menubuhkan Huatuan yang merentasi kelompok dialek. Ini dapat dilihat dalam penubuhan CCC dan DPC. Huatuan dalam tempoh masa ini juga memperlihatkan perpaduan yang memberangsangkan. Hal ini demikian kerana serangan Jepun ke atas China mengakibatkan gerakan penentangan orang-orang Cina di Asia Tenggara terhadap kuasa Jepun. Pelbagai

¹⁷ Berbeza dengan DPC negeri, DPC peringkat daerah lebih bersifat tempatan dan berfungsi menjaga kepentingan dan kebajikan orang Cina tempatan.

Huatuan di Tanah Melayu bersatu padu dalam menggembang tenaga dan wang untuk melancarkan kempen dermaan dan pemboikotan barang Jepun. Struktur organisasi Huatuan pada tahap masa ini didapati lebih kemas. Amalan pucuk pimpinan diwarisi dan dikuasai beberapa buah keluarga yang berpengaruh sebelum ini mendapat bantahan dan mula berubah kepada pemilihan di kalangan ahli sesuatu persatuan (Lin & Zhang 1991 : 363-364).

2.3.2 Tahap Kejumudan (1941-1945)

Tanggal 8 Disember 1941 menyaksikan kemaraan kuasa imperialis Jepun ke Tanah Melayu. Kemaraan tentera kuasa ini begitu pantas dan pada 15 Februari 1942, tentera British di Singapura mengaku kalah. Dengan perkembangan ini seluruh Tanah Melayu jatuh ke tangan kuasa Jepun dan pentadbiran British telah diganti oleh Pentadbiran Ketenteraan Jepun. Pendudukan Jepun ini menandakan satu peristiwa yang amat penting dalam sejarah perkembangan negara ini. Hal ini demikian kerana penguasaan ini membawa pelbagai impak kepada kaum-kaum yang terdapat di Tanah Melayu. Orang-orang Cina yang bermastautin di sini tidak terlepas daripada kancah kezaliman malah mereka menjadi sasaran utama tentera Jepun. Ini adalah kerana tentera Jepun menganggap mereka sebagai musuh ketat lantaran penentangan tentera China terhadap serangan mereka ke atas tanah besar China.

Tempoh pendudukan Jepun ini merupakan zaman keperitan untuk orang-orang Cina Tanah Melayu. Mereka dicengkam oleh kebuluran dan penyeksaan oleh tentera Jepun. Mereka sentiasa dihantui oleh ancaman maut. Dalam tempoh pendudukan ini dianggarkan sebanyak 40,000 orang Cina telah dibunuh dalam

gerakan pembersihan (Cheah 1983 : 23). Salah satu kelompok sasaran dalam gerakan pembersihan ini ialah pemimpin-pemimpin Huatuan yang terbabit dalam kutipan derma untuk memberi bantuan kepada gerakan penentangan terhadap imperialisme Jepun di negara China. Tangkapan terhadap pemimpin-pemimpin ini dan ancaman-ancaman di atas mengakibatkan kegiatan Huatuan berhenti sama sekali. Apa yang lebih sedih lagi ialah segala dokumen dan fail penting tentang sejarah penubuhan dan kegiatan dimusnahkan untuk mengelakkan kezaliman tentera Jepun (Wu 1984 : 114). Natijahnya perkembangan Huatuan telah memasuki zaman kejumudan.

Pentadbiran tentera Jepun hanya membenarkan persatuan tajaan mereka sahaja yang boleh beroperasi. Persatuan yang dimaksudkan ialah Persatuan *Huaqiao* (Overseas Chinese Association). Persatuan ini ditubuhkan di kebanyakan bandar besar di Tanah Melayu. Gabungan persatuan-persatuan ini juga diusahakan oleh kuasa Jepun. Pada tahun 1942, Gabungan Persatuan *Huaqiao* ditubuhkan di Syonan (Singapura) dengan Lim Boon Keng, seorang pemimpin masyarakat Baba yang terkemuka sebagai pengurusnya. Tujuan penubuhan persatuan-persatuan ini pada peringkat awal adalah untuk mengutip wang ufti kepada kuasa Jepun yang berjumlah 50 juta ringgit (Lin & Zhang 1991 : 425). Namun perkembangan yang seterusnya membuktikan pertubuhan ini hanya menjadi alat kepada tentera Jepun untuk mengawal masyarakat Cina dan menjalankan pelbagai aktiviti yang memanfaatkan pentadbiran Jepun. Pertubuhan ini juga mengerah tenaga masyarakat Cina untuk memugar tanah di kawasan pedalaman demi kepentingan ekonomi mereka.

2.3.4 Tahap Pemulihan (1946-1957)

Kekalahan dan penyerahan tentera Jepun pada 15 Ogos 1945 telah menamatkan penderitaan penduduk Tanah Melayu, khususnya orang-orang Cina. Sungguhpun demikian, implikasi pendudukan Jepun itu begitu mendalam dan berlanjutan. Pihak British yang kembali berkuasa di Tanah Melayu terpaksa mendepani senario baru yang penuh dengan cabaran. Antaranya ialah perkembangan nasionalisme dan gerakan antipenjajahan yang semakin memuncak. Untuk menghadapinya kuasa British menggubal rancangan Malayan Union yang bertujuan mengekalkan kekuasaan mereka. Bantahan-bantahan hebat orang Melayu telah menggagalkannya. Rancangan itu akhirnya diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

Peristiwa-peristiwa ini yang penuh bergejolak telah mencambahkan perubahan identiti kenegaraan orang Cina. Dengan perkembangan ini, Huatuan yang sebelum ini lebih merupakan pertubuhan *huqiao* berubah menjadi organisasi masyarakat Cina yang mengidentifikasi diri dengan Tanah Melayu. Senario-senario baru ini juga mencetuskan kesedaran di kalangan orang Cina untuk melindungi kepentingan-kepentingan mereka dalam satu era yang bergolak. Ini membawa kepada penubuhan pelbagai Huatuan yang baru dan terdapatnya kecenderungan membentuk persatuan gabungan di peringkat kebangsaan. Dalam keadaan inilah Huatuan dapat memulih daripada peringkat kejumudan yang dialami dalam pendudukan Jepun dan berkembang dengan nafas baru demi kepentingan. Kerancakan pemulihan ini dapat dirasai apabila pada 27 April 1956 Kongres Tuntutan Hak Kerakyatan anjuran Huatuan di Kuala Lumpur telah dihadiri oleh

454 buah persatuan Cina dengan bilangan peserta yang melebihi 1000 orang (Chui 1990 : 335).

Dewan Perniagaan Cina atau CCC yang telah wujud pada awal abad ke-20 menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan di peringkat negeri dan tempatan pada tempoh masa ini. Selepas Perang Dunia Kedua CCC Terengganu ditubuhkan pada tahun 1945. Ini diikuti oleh CCC di negeri Melaka (1946), Pahang (1946), Negeri Sembilan (1946), Johor (1947), Perlis (1949), dan Sabah (1954). Yang lebih bermakna dalam sejarah perkembangan CCC ialah penubuhan gabungan CCC di peringkat kebangsaan pada tahun 1947 yang bernama *Associated Chinese Chambers of Commerce* (ACCC).¹⁸ Pertubuhan ini dan merupakan satu Huatuan yang penting dalam masyarakat Cina hingga ke masa kini.

Tempoh masa ini juga menyaksikan penubuhan dua buah organisasi gabungan baru yang berpengaruh untuk merespons kepada cabaran-cabaran yang menghimpit pendidikan Cina. Gabungan Persatuan-persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia atau lebih dikenali sebagai Jiaozong dalam masyarakat Cina ditubuhkan pada 25 Disember 1951. Penubuhan Jiaozong ini merupakan kesan langsung daripada Laporan Barnes¹⁹ (Jiaozong 1987 : 7) yang mengesyorkan pemansuhan sistem vernakular (sekolah Cina dan Tamil) dan menggantikannya

¹⁸ Nama pertubuhan ini kemudian ditukar kepada Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM).

¹⁹ Laporan ini merupakan hasil kajian daripada sebuah jawatan kuasa yang ditubuhkan oleh pihak British untuk meninjau masalah yang dihadapi oleh pendidikan Melayu. Jawatankuasa itu diketuai oleh L.J. Barnes, Pengarah latihan Sosial dari Universiti Oxford.

dengan jenis sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Gabungan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia yang juga dipanggil Dongzong pula ditubuhkan pada 22 Ogos 1954. Kemelut yang mendepani pendidikan Cina menyumbang kepada penubuhan persatuan gabungan ini. Oleh sebab kedua-dua buah pertubuhan ini memperjuangkan pendidikan Cina dan mempunyai pendirian yang sama, ia selalu dikenali secara kolektif sebagai Dongjiaozong. Dongjiaozong memperjuangkan pendidikan Cina yang menjadi penentu kepada kelangsungan kebudayaan Tionghoa dalam masyarakat Cina, maka ini menyebabakannya selalu mendapat sokongan padu daripada orang-orang Cina. Perkembangan yang kemudiannya menunjukkan pertubuhan ini juga dapat memperjuangkan kepentingan-kepentingan masyarakat Cina yang lain dengan lantang. Oleh yang demikian pertubuhan ini merupakan satu organisasi yang amat berpengaruh dalam perkembangan masyarakat Cina Malaysia.

Dengan kemerdekaan Tanah Melayu, kesetiaan orang-orang Cina tidak lagi berkiblat kepada negara China. Hampir kesemua mereka menjadi warganegara Tanah Melayu dan bertaat setia kepada negara baru mereka. Oleh itu mereka tidak lagi menjadi *huaqiao*. Dengan ini Huatuan yang dianggotai mereka telah berubah menjadi pertubuhan rakyat keturunan Cina di sebuah negara yang berdaulat. Dalam pada itu, tempoh 1957-1969 merupakan satu era pengisian kemerdekaan yang memperlihatkan pembangunan negara dan perkembangan ekonomi serta kestabilan politik. Semua ini memantapkan lagi perkembangan Huatuan. Namun

tempoh masa tersebut juga memperlihatkan kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan proses pembinaan negara-bangsa yang bertentangan dengan aspirasi Huatuan yang didukungi masyarakat massa Cina. Hal yang demikian telah membawa kepada pertentangan Huatuan.²⁰

2.4 Peranan Huatuan dalam Masyarakat Cina, 1801-1969

Huatuan mempunyai sejarah perkembangan yang panjang di Malaysia, yakni sejak tahun 1801. Kehadirannya yang berkesinambungan dalam masyarakat Cina menunjukkan organisasi yang demikian masih relevan dan diperlukan oleh masyarakat Cina. Walaupun Huatuan di Malaysia telah dicirikan oleh kepelbagaian namun kecenderungan ini tidak menghalang perjuangan kepentingan masyarakat Cina menjelang dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Huatuan yang memiliki perjuangan kepentingan bersama selalu dapat bekerjasama dan berpadu tenaga apabila mendepani isu yang menggugat kepentingan orang Cina. Huatuan telah melalui fasa-fasa perkembangan yang berlainan. Milieu sosial dan politik dalam tahap-tahap perkembangan itu turut berbeza. Oleh itu Huatuan sudah tentu merespons dengan pendekatan dan strategi yang berbagai-bagai mengikuti tuntutan zaman. Hal yang demikian menunjukkan terdapat perubahan peranan yang dimainkan olehnya dan perlu diberi penelitian.

2.4.1 Peranan Tradisional Huatuan²¹ (1801-1899)

Huatuan merupakan organisasi yang ditubuhkan atas keperluan imigran-imigran awal Cina untuk memastikan kelangsungan hidup mereka dalam suatu

²⁰ Pertembungan dan pertentangan ini dibincangkan dalam bab ini, di bawah tajuk kecil 2.4.4

²¹ Maklumat dalam bahagian ini banyak diperoleh daripada Yen (1986 : 44-51 & 84-93).

persekitaran yang asing. Oleh itu peranan Huatuan pada peringkat awal adalah berkait rapat dengan pemberian kemudahan dan kebajikan kepada ahli sesuatu persatuan supaya mereka dapat mencari sesuap nasi dalam keadaan yang selamat. Pelbagai aktiviti juga diadakan untuk menjamin kehendak-kehendak imigran terutamanya yang bersifat psikologi dipenuhi. Oleh sebab imigran-imigran ini terdiri daripada kelompok yang heterogenous, maka penubuhan persatuan dialek atau *Huiguan* dan persatuan keluarga pada tahap awal dapat mengurangkan konflik intraetnik dan memberikan keselamatan psikologi kepada imigran-imigran daripada suku kaum yang sama.

Peranan tradisional utama yang dimainkan oleh Huatuan ialah penjagaan kebajikan orang-orang Cina. Dalam hal ini, *Huiguan* dan persatuan keluarga menghulurkan bantuan kepada *sinkeh* (pendatang baru) sedialek atau sekeluarga untuk mendapatkan tempat tinggal sementara di bangunan persatuan. Pihak persatuan juga boleh mencari pekerjaan yang sesuai untuk mereka. Bagi mereka yang ditimpa kemalangan dan sakit, bantuan kewangan juga disediakan. Ini dapat dilihat dalam salah satu peraturan dalam Kongsi Lim yang berbunyi: "Kongsi kami sedia membantu ahli yang kehilangan nafkah hidup akibat ketuaan atau dan jika mereka ingin pulang ke negeri China, wang perjalanan juga boleh diberi." (Yen 1986 : 89).

Dalam masyarakat Cina pada peringkat awal kedatangan, kematian merupakan satu perkara yang digeruni. Kalau keadaan mengizinkan imigran-imigran lebih suka menghembuskan nafas terakhir di negara China dan dikebumikan di sana. Mereka takut menghadapi kematian tanpa anak-anak di

sisinya di Tanah Melayu. Mereka mempercayai sekiranya keadaan ini berlaku, mereka akan merayau-rayau di tanah asing tanpa pemujaan. Kewujudan *Huiguan* dapat meringankan ketakutan psikologi ini. Biasanya *Huiguan* membantu dalam mengendalikan pengebumian ahlinya yang meninggal dunia. Untuk mereka yang miskin dan tanpa waris, pengebumian ini diuruskan secara percuma. *Huiguan* turut terlibat dalam pembukaan dan pengendalian tanah perkuburan sesuatu suku kaum. Demi kebijakan ahli, tanah perkuburan dikenakan bayaran yang rendah.

Peranan Huatuan yang seterusnya ialah mengaturkan upacara pemujaan Dewa-Dewi Pelindung. Dalam mencari rezeki hidup harian, imigran-imigran awal menghadapi pelbagai kesulitan dan bencana alam, mereka mempercayai hanya dewa-dewi ini mampu memberi perlindungan kepada mereka daripada malapetaka. Penyembahan Dewa-Dewi Pelindung ini perlu sentiasa dilakukan dan bukan pada masa ditimpa kecelakaan. Tuhan Pelindung yang popular untuk masyarakat Cina awal ialah "Tien Hou"(Heavenly Queen) atau "Tien Hui" (Heavenly Concubine).

Selain "Tien Hou", Tuhan Pelindung lain yang popular ialah Kwan Yin, Kwan Ti, Toh Peh Kong, Wang Yeh, dan beberapa lagi (Purcell 1967 : 120-125). Manakala kebanyakan *Huiguan* dan persatuan keluarga masing-masing mempunyai dewa mereka. Umpamanya Kheng Chew *Huiguan* (suku kaum Hailam) menyembah dewi "Tien Hou". Aktiviti pemujaan yang diadakan secara tetap ini selalunya diakhiri dengan jamuan makan yang besar untuk ahli-ahli persatuan. Ini memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi, merapatkan hubungan mereka, dan membentuk perasaan kekitaan.

Di samping itu, persatuan keluarga juga memainkan peranan penting dalam pemujaan nenek moyang. Amalan ini merupakan sesuatu yang diwarisi turun-temurun. Nenek moyang yang dipuja termasuklah pengasas persatuan di negara China dan Tanah Melayu serta ahli-ahli persatuan yang memberi sumbangan besar kepada persatuan. Pemujaan ini berupaya mendekatkan ahli-ahli sesuatu kerabat dengan semangat nenek moyang mereka dan merupakan suatu bentuk pengucapan penghargaan yang ditunjukkan oleh mereka. Amalan ini turut melahirkan kesan psikologi dalam kesedaran terhadap keturunan mereka yang seterusnya mampu memperkuuh tanggungjawab mereka kepada persatuan. Pemujaan ini dilakukan dua kali setahun, iaitu mengikut tradisi di negara China yang lebih dikenali sebagai "Chun-chi" dan "Chiu-chi". Di Tanah Melayu, pemujaan ini biasanya jatuh pada bulan March-Mei dan Ogos-Okttober.

Seterusnya *Huiguan* dan persatuan keluarga menguruskan perayaan bermusim dalam masyarakat Cina. Perayaan bermusim ini penting dalam masyarakat pada ketika itu kerana ia merupakan peluang yang jarang didapati untuk melepaskan penat lelah bekerja. Aktiviti sambutan ini bukan sahaja memastikan kelangsungan budaya tradisional malah juga memberi peluang kepada imigran-imigran awal untuk berinteraksi dan mewujudkan perpaduan di kalangan ahli. Antara perayaan yang disambut bersama ialah Tahun Baru Cina, Shang-yuan (Chap Goh Mei), Ching Ming, Duanwu, Chung-yuan (The Ghost Festival), Hari Kuih Bulan, dan Dongzhi. Hari Ching Ming merupakan acara yang disambut dengan sungguh-sungguh oleh persatuan keluarga.²² Pada hari tersebut pihak

²² Hal ini demikian kerana Ching Ming merupakan hari pemujaan nenek moyang. Pemujaan leluhur ini amat dititikberatkan oleh masyarakat Cina dan menjadi amalan hingga hari ini.

persatuan mengerahkan ahli datang beramai-ramai untuk memuja di kubur nenek moyang mereka. Kegiatan ini diikuti dengan jamuan makan besar.

Dalam menjalani kehidupan harian, kadang kala perselisihan faham dan perbalahan timbul di kalangan orang Cina. *Huiguan* dan persatuan keluarga sebagai organisasi berpengaruh dalam masyarakat Cina juga berperanan sebagai pendamai. Kedua-dua jenis Huatuan ini dapat memainkan peranan ini kerana pemimpin persatuan biasanya terdiri daripada tokoh-tokoh tempatan yang kaya, dan memiliki status tinggi. Tambahan pula terdapat pemimpin *Huiguan* yang juga merupakan Kapitan Cina. Misalnya salah seorang pemimpin Kwang Chao *Huiguan* di Kuala Lumpur, iaitu Yap Kwan Seng juga merupakan Kapitan Cina pada waktu itu (Yen 1986 : 49). Huantuan ini hanya mengendalikan kes-kes sivil sahaja. Perbalahan yang timbul selalu membabitkan masalah hutang-piutang dan persaingan perniagaan. Apabila sesuatu keputusan telah dibuat oleh pemimpin persatuan, pihak-pihak yang terbabit dituntut untuk menuruti keputusan itu.

Akhir sekali, persatuan keluarga turut bertindak sebagai penggalak dan pendaftar perkahwinan untuk ahli-ahli sekeluarga. Mulai pertengahan abad ke-19 sudah wujud kesedaran di kalangan imigran Cina untuk mengekalkan nilai dan budaya tradisi mereka. Mereka melihat kelahiran komuniti Baba pada masa itu sebagai sesuatu yang tidak diingini dan mampu menggugat kelangsungan sesuatu kerabat. Perkahwinan campur merupakan punca kepada masalah ini. Oleh itu persatuan-persatuan keluarga telah berikhtiar membawa masuk lebih ramai wanita Cina ke Tanah Melayu untuk dijadikan pasangan kahwin . Malah mereka juga merancang dan mengesahkan sesuatu perkahwinan. Biasanya perkahwinan

dilangsungkan dalam tokong kepunyaan persatuan keluarga dan ia disaksi dan diberkati oleh ketua keluarga.

2.4.2 Peranan Baru Huatuan di Bawah Pengaruh Nasionalisme *Huaqiao* (1900- 1941)

Pada penghujung abad ke-19 ancaman imperialisme kuasa Barat dan Jepun telah membawa kepada kebangkitan gerakan nasionalisme di negara China. Gerakan ini semakin memuncak dengan kekalahan tentera China dalam perang dengan kuasa Jepun pada tahun 1894. Perkembangan-perkembangan ini mencetuskan gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh Liang Ch'i-ch'ao dan Kang Yu-wei pada tahun 1898. Namun gerakan ini menemui kegagalan dan dua orang tokoh ini terpaksa melarikan diri ke Asia Tenggara. Kebobrokan Kerajaan Ching turut menyumbang kepada kemunculan gerakan revolusi yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat Sen tidak lama kemudian. Kesan pergolakan politik ini telah sampai ke Tanah Melayu. Akibat aktiviti Kang Yu-wei dan Dr. Sun Yat Sen untuk meraih sokongan dan bantuan kewangan , orang-orang Cina di negara ini mulai terbabit dalam politik negara China selepas tahun 1900 (Cheah 1984 : 13-19).

Perjuangan kedua-dua orang tokoh yang bertentangan²³ ini meningkatkan kesedaran politik di kalangan orang Cina di Tanah Melayu. Menurut Wang Gungwu, perubahan utama dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu dalam tempoh 1900-1911 bukannya dalam bidang ekonomi dan sosial tetapi sebaliknya dalam perubahan sikap politik yang mengikiblat kepada negara China (Chui 1972 : 124).

²³ Kang Yu-wei memperjuangkan reformasi dalam dinasti Ching manakala Dr. Sun Yat Sen ingin melancarkan revolusi untuk menggulingkan kerajaan Ching.

Kesedaran politik ini turut menokok gerakan nasionalisme *huaqiao*²⁴. Pada umumnya gerakan ini juga mengorientasi kepada negara China.

Sungguhpun perjuangan Kang Yu-wei lebih mendapat sokongan masyarakat Cina pada peringkat awal, namun gerakan revolusi pimpinan Dr. Sun Yat Sen ternyata dapat mematahkannya pada masa yang lebih kemudian. Dengan usaha gigih para pendukung gerakan revolusi, orang-orang Cina di Tanah Melayu telah terlibat dalam revolusi China dengan memberi bantuan kewangan dan tenaga pejuang. Ini dapat dilihat dalam pembabitan sejumlah pejuang di Tanah Melayu dalam Pemberontakan Huanghuakang (1911) dan Pemberontakan Wuchang (1911). Umpamanya dilaporkan dari negeri Perak sahaja sudah ada 2000 orang pekerja lombong pulang ke China untuk menyertai Pemberontakan Wuchang pada bulan November 1911 (Yen 1976 : 285).

Revolusi China 1911 tidak berjaya mengekang kemaraan kuasa imperialis Jepun di China. Pada tahun 1915, kerajaan pimpinan Yuan Shi Kai telah menandatangani "Perjanjian 21 Syarat" yang dianggap menggadai maruah dan kedaulatan negara China. Ini menimbulkan kemarahan orang-orang Cina di China dan juga Asia Tenggara. Dengan ini Huatuan di Tanah Melayu mula mengorak langkah dalam gerakan anti-Jepun. CCC di Singapura dan Pulau Pinang memulakan kempen pemboikotan barang Jepun (Chui 1972 : 126). Kempen ini mendapat sambutan daripada para peniaga Cina dan orang Cina. Ada peniaga Cina yang sanggup membatalkan perjanjian perniagaan dengan syarikat Jepun.

²⁴ Topik ini mendapat penelitian beberapa orang sarjana. Antara kajian penting ialah Leong (1976) dan Wang (1981 : 142-158).

Seterusnya Gerakan 4 Mei di negara China pada tahun 1919 turut menyebabkan orang-orang Cina di Tanah Melayu membakar barang Jepun dan mengadakan perarakan anti-Jepun.²⁵

Niat kuasa Jepun untuk menguasai negara China terserlah sekali lagi dalam "Tsinan Incident", iaitu pertempuran hebat antara tentera Jepun dengan kontingen Ekspedisi Utara yang diketuai oleh Jeneral Chiang Kai Shek di wilayah Shantung pada tahun 1928. Peristiwa ini turut menggemparkan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Tan Kah Kee, seorang pemimpin Hokkien dan saudagar kaya membuat pengumuman melalui akhbar pada 11 Mei supaya mengadakan satu pertemuan untuk membincangkan peristiwa ini. Pengumuman tokoh itu serta-merta mendapat sokongan daripada 122 buah Huatuan di Tanah Melayu (Lin & Zhang 1991 : 382). Pada 17 Mei, lebih kurang 1000 orang wakil dari pelbagai pertubuhan dan persatuan Cina di Tanah Melayu menghadiri pertemuan tersebut yang diadakan di CCC Singapura. Dalam pertemuan itu, Tabung Bantuan Shantung ditubuhkan dan Tan Kah Kee dilantik oleh para perwakilan untuk mengetuainya.

Pada tahun 1931, tentera Jepun pula menyerang Manchuria yang merupakan wilayah negara China. Kemuncak penyerangan kuasa Jepun berlaku dengan tercetusnya "Peristiwa Lukouchiao" pada tahun 1937. Dengan peristiwa ini, gerakan anti-Jepun di Tanah Melayu juga memuncak. Pemimpin-pemimpin Huatuan meneruskan kempen pemboikotan barang dan memulakan pungutan

²⁵ Gerakan 4 Mei merupakan satu gerakan intelektual yang terbentuk setelah berlaku demonstrasi pelajar secara besar-besaran di Beijing pada 4 Mei 1919. Pencetus kepada gerakan tersebut ialah Perjanjian Versailles tahun 1919 yang menyerahkan hak-hak Jerman di Shantung kepada Jepun dan ini menyebabkan kemarahan golongan pelajar China. Gerakan tersebut telah memuncakkan semangat nasionalisme orang China yang seterusnya mempengaruhi perkembangan politik dan sosial negara itu.

dana untuk Tabung Bantuan China. Dengan penubuhan Persatuan Pungutan Tabung Bantuan yang pertama di Singapura, 207 buah persatuan jenis ini dan juga pelbagai pertubuhan anti-Jepun mula ditubuhkan di merata-rata tempat di Tanah Melayu (Wu 1984 : 113).

Pada 10 Oktober 1938 pemimpin-pemimpin Huatuan turut terlibat dalam pembentukan "Nanyang Relief General Association" di Singapura. Sejumlah 168 orang wakil Cina dari negara-negara Asia Tenggara di mana 97 merupakan wakil dari Tanah Melayu telah menghadiri perjumpaan tersebut. Tan Kah Kee diberi penghormatan memimpin persatuan ini. Antara pemimpin Hua Tuan lain yang menganggotai jawatankuasa persatuan ini ialah Ho Pao Jin dari Melaka, Lau Geok Swee dari Pulau Pinang, Leong Sin Nam dari Perak, Ng Tiong Kiat, H.S. Lee dan Chan Chan Mooi dari Selangor, dan Wong Yik Tong dari Negeri Sembilan (Yong & McKenna 1990 ; 190). Tujuan penubuhan organisasi ini adalah untuk menyelaraskan pungutan derma. Tanah Melayu mencatat pungutan derma yang cemerlang. Masyarakat Cina di sini menyumbang sebanyak \$146 juta iaitu kira-kira 64% daripada jumlah keseluruhan (\$228 juta) sumbangan orang-orang Cina di Asia Tenggara dari tahun 1937 hingga 1940 (P'ng 1961 : 35).

Dalam peperangan menentang pendudukan kuasa imperialis Jepun, negara China menghadapi masalah kekurangan juruteknik dan tukang mahir yang serius. Golongan mahir ini diperlukan di Yunan untuk memastikan pengangkutan bekalan peperangan tidak terputus. Huatuan di Tanah Melayu telah merespons kepada masalah ini dengan menyeru dan menggembung tenaga pemuda Cina untuk memberi khidmat kepada negara China. Sambutan yang diberi sangat

menggalakkan. Umpamanya dalam tahun 1937, dari sejumlah 3192 orang juruteknik yang menyahut seruan ini, kira-kira 2000 orang berasal dari Tanah Melayu (Lin & Zhang 1991 : 401). Huatuan juga mengadakan majlis perpisahan yang meriah, untuk para juruteknik ini sebelum pemergian mereka.

Selain meninggikan kesedaran politik, kehadiran Kang Yu-wei dan Dr.Sun Yat Sen turut memberi sumbangan dalam pendidikan Cina. Satu siri reformasi pendidikan dengan pengenalan sistem pendidikan moden telah dilaksanakan di negara China dalam tempoh tahun 1902 hingga 1935. Mereka berdua ini mengakui kepentingan pendidikan moden. Dalam usaha memperluas pengaruh, mereka berjaya mempengaruhi pemimpin-pemimpin Hua Tuan untuk mendirikan sekolah Cina moden di beberapa tempat di Tanah Melayu.

Sebelum pengenalan sekolah Cina moden, sudah wujud sekolah Cina di Tanah Melayu yang mengikut sistem pendidikan lama di negara China. Umpamanya dalam satu laporan pihak British pada tahun 1884, bilangan sekolah Cina di negeri-negeri Selat berjumlah 115 buah (Tan 1984 : 283). Namun dengan usaha *Huiguan* dan persatuan keluarga, sekolah Cina lama itu dapat ditukar kepada sekolah Cina moden dengan cepat. Selepas penubuhan sekolah Cina moden yang pertama, iaitu Sekolah Chung Hwa di Pulau Pinang pada tahun 1902, sekolah jenis baru ini berkembang dengan pesat. Misalnya sehingga tahun 1920, sebanyak 222 buah sekolah Cina moden telah dibuka di Semenanjung Tanah Melayu, manakala 9 di Sabah dan 13 di Sarawak (Jiaozong 1987 : 886-887).

2.4.3 Peranan Huatuan Menjelang Kemerdekaan (1946-1956)

Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, penajah British mengatur langkah untuk melaksanakan rancangan Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946. Rancangan ini bertujuan membentuk satu kerajaan British yang berpusat supaya pentadbirannya menjadi efisien dan lebih kemas (Ratnam 1965 : 43-44). Rancangan ini mendapat bantahan keras daripada orang Melayu kerana dikatakan menggugat kedaulatan kuasa Sultan Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Gerakan penentangan yang ditunjangi semangat nasionalisme Melayu ini seterusnya membawa kepada kelahiran "United Malay National Organization" (UMNO).

Akibat penentangan orang Melayu yang semakin memuncak, kuasa British bersedia untuk bertolak ansur dengan tuntutan mereka. Maka pelaksanaan rancangan Malayan Union ditimbang semula. Dalam hal ini reaksi masyarakat Cina jauh tidak sehebat orang Melayu. Reaksi orang Cina juga berpecah kepada menyokong dan menentang rancangan ini. Namun secara umumnya kebanyakan orang Cina dikatakan tidak mengambil berat dan prihatin terhadap rancangan ini (Chui 1998 : 146). Dalam keadaan inilah penajah British menukuhan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Perlembagaan pada tahun 1946 untuk menggubal perlembagaan baru menggantikan perlembagaan Malayan Union. Jawatankuasa ini hanya dianggotai oleh wakil daripada kuasa British, Sultan Melayu, dan UMNO. Dengan hal yang demikian, cadangan perlembagaan baru yang lebih memihak kepada orang Melayu telah siap digubal pada penghujung tahun 1946. Malah Ratnam (1965 : 51) menganggap perlembagaan baru tersebut akan menjadikan Tanah Melayu sebuah negara milik orang Melayu. Jawatankuasa

ini juga mencadangkan supaya pemberian hak kerakyatan diketatkan, iaitu pemberian berdasarkan prinsip *jus soli* dalam rancangan Malayan Union ditarik balik.

Pihak British hanya menubuhkan Jawatankuasa Perunding untuk meninjau pandangan orang bukan Melayu sebelum pelaksanaan perlembagaan baru. Wakil orang Cina yang menganggotai jawatankuasa ini ialah H.S. Lee dan Leong Yew Koh. Namun jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa menggubal perlembagaan baru dan cadangan-cadangannya hanya diajukan semula kepada Jawatankuasa Kerja untuk pertimbangan (*Ibid.* : 54). Akibatnya pihak penjajah hanya menerima cadangan perlembagaan baru yang disaran oleh Jawatankuasa Kerja Perlembagaan. Pihak British juga menetapkan 1 Februari 1948 sebagai tarikh berkuat kuasa perlembagaan baru yang membawa kepada penuhnya Persekutuan Tanah Melayu.

Tindakan pihak British untuk melaksanakan perlembagaan baru tanpa menghiraukan bantahan masyarakat Cina telah menyebabkan kemarahan orang Cina. Ini mencetuskan gerakan penentangan masyarakat Cina terhadap perlembagaan baru ini. Pertubuhan politik yang terlibat dalam penentangan ini ialah Majlis Tindakan Bersama Se-Tanah Malaya (All Malayan Council of Joint Action - AMCJA) yang diterajui Tan Cheng Lock. Selain itu pemimpin-pemimpin radikal Melayu turut melakukan penentangan dan mereka bergabung dalam pertubuhan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).²⁶ Perkembangan seterusnya

²⁶ PUTERA yang ditubuhkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada 22 Februari 1947 merupakan gabungan pertubuhan-pertubuhan Melayu berhaluan kiri yang juga menentang Dato Onn dan UMNO, lihat Ramli (1998 : 18-20).

menyaksikan kedua-dua pertubuhan ini bergabung tenaga pada bulan Februari 1947 dalam usaha memperjuangkan cadangan mereka yang dinamakan Perlembagaan Rakyat.

Manakala Huatuan juga berusaha menggembrelleng tenaga orang Cina untuk membuat bantahan dan penentangan. Cara yang digunakan oleh Huatuan ialah mengemukakan memorandum kepada Jawatankuasa Perunding, Gabenor Jeneral British, dan Pejabat Jajahan di London. Huatuan telah mengemukakan satu memorandum mewakili CCC Singapura, CCC Melaka, CCC Selangor, CCC Pulau Pinang, CCC Perak, dan ACCC yang baru ditubuhkan pada tahun 1947. Secara keseluruhannya, tuntutan-tuntutan Huatuan berkisar pada empat perkara, iaitu Singapura tidak patut dipisahkan dari Persekutuan Tanah Melayu, melonggarkan syarat pemberian hak kerakyatan, membantah pengagihan bilangan ahli yang tidak adil kepada golongan bukan Melayu dalam Majlis Perundangan Persekutuan, dan cadangan perlembagaan baru itu tidak demokratik serta adil dan oleh itu meminta pihak British menghantar satu jawatankuasa diraja untuk menilai semula perlembagaan ini (Chui 1990 : 161).

Apabila kuasa British berkeras dalam pendiriannya, pemimpin-pemimpin Huatuan merancang bagi mengadakan satu hortal untuk menunjukan ketidakpuasan dan penentangan mereka. Hartal ini dicanang oleh ACCC dan berjaya dilakukan pada 5 Oktober 1947 di seluruh Tanah Melayu. Usaha ini mendapat sambutan yang baik daripada saudagar-saudagar Cina dan India dan natijahnya segala aktiviti ekonomi di bandar-bandar besar lumpuh pada hari tersebut. Tindakan ini telah menggemparkan pegawai-pegawai British (Ibid : 165). Namun mereka juga

berpendapat tidak boleh tunduk kepada tekanan dan ugutan. Dalam pada itu pendirian para pemimpin CCC mula berlembut apabila pihak British menyeru mereka menyertai Majlis Perundangan Persekutuan supaya berpeluang meminda perlembagaan menerusi wahana tersebut. Dengan perkembangan ini beberapa orang tokoh CCC telah menyertai majlis tersebut, antaranya ialah H.S. Lee, Yong Shook Lin, Tan Siew Sin, dan Leong Yew Koh (Heng 1988 : 49).

Dalam pada itu Huatuan turut memainkan peranan dalam penubuhan MCA pada tahun 1949. Penubuhan MCA berpunca daripada keadaan darurat yang bermula pada tahun 1948 di Tanah Melayu. Dalam keadaan tersebut pihak British memerlukan sebuah parti politik Cina untuk menyokong kempen antikeganasan mereka terhadap Parti Komunis Malaya. Mereka juga memerlukan sokongan kuat pemimpin masyarakat Cina untuk menjayakan usaha penempatan semula orang Cina di kampung baru. Dengan perkembangan ini, Persuruhjaya Tinggi waktu itu, Sir Henry Gurney telah meminta H.S. Lee, presiden CCC Selangor dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan untuk membantu dalam penubuhan sebuah parti politik Cina (Ibid.: 55).

Selanjutnya H.S. Lee dan lima belas orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang lain menghantar surat kepada CCC di merata tempat di Tanah Melayu meminta mereka membantu dalam usaha penubuhan parti politik. CCC didekati kerana merupakan pertubuhan peneraju dalam masyarakat Cina pada ketika itu. Selain itu, para pemimpin dari DPC dan *Huiguan* turut menyumbang ke arah penubuhan MCA. Sambutan baik dan sokongan kuat Huatuan terhadap penubuhan MCA jelas terbukti melalui kehadiran pemimpin-pemimpin Huatuan

dari seluruh Tanah Melayu dalam upacara penubuhan MCA yang berlangsung di DPCS, Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949. Pemimpin Huatuan yang menghadiri upacara tersebut dilaporkan melebih 293 orang (Sia 1997 : 31).

Kajian Heng Pek Koon (1988 : 59-68) menunjukkan bahawa dari jumlah 32 orang pemimpin yang pernah menganggotai Jawatankuasa Kerja Pusat MCA dalam tempoh 1949-1957, seramai 9 orang merupakan presiden CCC di peringkat negeri. Umpamanya H.S. Lee bukan sahaja menjadi presiden CCC Selangor dan ACCC malah juga mengetuai Persekutuan Persatuan-Persatuan Kwang Tung *Huiguan* Malaysia dan Persatuan Kochow *Huiguan* Malaysia. Selain H.S. Lee, terdapat banyak lagi pemimpin pusat MCA yang memegang jawatan penting di pelbagai Huatuan. Keadaan yang sedemikian telah mendorong sarjana itu merumuskan bahawa untuk menjadi pemimpin tinggi MCA, seseorang itu mestilah terlebih dahulu menjawat satu jawatan yang berprestij dan dihormati dalam jaringan Huatuan. Dalam hal ini kepemimpinan MCA juga mempraktikkan budaya "interlocking officership" atau penindihan jawatan yang pernah diamalkan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Cina pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua.

Seterusnya, pada tahun 50-an Huatuan memainkan peranan yang menonjol dalam perjuangan menuntut hak kerakyatan bagi masyarakat Cina.²⁷ Seperti huraiyan di atas, pemberian hak kerakyatan kepada orang Cina menurut perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu adalah ketat. Penjajah British menerusi Majlis Perundungan Persekutuan telah melonggarkan pemberian hak kerakyatan melalui pindaan perlembagaan pada tahun 1952. Di bawah ordinan baru, sehingga

²⁷ Keterangan lanjut tentang perjuangan masyarakat Cina dalam isu ini boleh didapati daripada Wong (1981 : 88-156).

30 Jun 1953, hanya sejumlah 1,157,000 orang Cina atau separuh daripada jumlah keseluruhan orang Cina di Persekutuan Tanah Melayu memperoleh hak kerakyatan (Ratnam 1965 : 92). Oleh itu masyarakat Cina masih tidak puas hati dalam hal ini. Namun perjuangan untuk mendapatkan hak kerakyatan di kalangan orang Cina hanya mendapat momentum selepas pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1955. Menurut Chui Kwei Chiang (1998 : 158) kelembapan dalam gerakan ini sebelum tahun 1954 berpunca daripada keadaan politik Tanah Melayu yang masih tidak menentu, orang Cina secara umumnya masih berminat menjadi warganegara negara China dan akhir sekali mereka gentar dikerah menjadi askar untuk memerangi komunis sesudah memperoleh hak kerakyatan.

Pada tahun 1954 beberapa Huatuan terutamanya CCC dan DPC di peringkat negeri mula menyeru masyarakat Cina supaya memohon kerakyatan. Umpamanya pada 19 September 1954 DPCS mengadakan satu Kongres Huatuan di seluruh negeri Selangor untuk membincangkan strategi menggalakkan orang Cina memohon kerakyatan. Sebanyak 38 buah Huatuan dan wakil yang melebihi 70 orang telah menyertai pertemuan itu. Ini diikuti oleh DPC Perak dan CCC Perak yang bekerjasama dalam mengadakan kongres yang serupa pada 28 Ogos 1955. Huatuan ini memperjuangkan pemberian kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli*.

Kemuncak kepada perjuangan Huatuan dalam isu ini ialah penganjuran "Kongres Tuntutan Hak Kerakyatan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Berdaftar Seluruh Tanah Melayu" pada 27 April 1956. Kongres ini merupakan anjuran bersama oleh Jiaozong, DPCS, DPC Perak dan Gabungan Ikatan & Persatuan Cina

Selangor. Kongres ini mendapat sambutan yang hangat daripada orang Cina. Bilangan Huatuan yang menyertainya mencecah 454 buah dan wakil yang melebihi 1000 orang telah menghadiri kongres ini (Chui 1990 : 335). Kongres ini sebulat suara meluluskan empat resolusi seperti di bawah:

1. Kerakyatan yang berdasarkan prinsip *jus soli* bagi semua rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu
2. Kerakyatan bagi mereka yang dilahirkan di luar Tanah Melayu selepas bermastautin lima tahun secara berterusan tanpa ujian bahasa,
3. Kesamaan hak, keistimewaan, tugas, dan kewajipan bagi semua rakyat, dan
4. Pengiktirafan bahasa Melayu, bahasa Cina, dan bahasa Tamil sebagai bahasa rasmi negara.

(Heng 1988 : 240)

Dalam kongres ini satu jawatankuasa yang dipanggil "Council of Representatives of Chinese Guilds and Associations" (CRCGA) ditubuhkan. CRCGA diterajui oleh Lau Pak Khuan, seorang pemimpin Huatuan terkemuka dari Ipoh dan 14 orang lagi ahlinya terdiri daripada pemimpin Huatuan dalam komuniti Cina dari merata tempat. Penubuhan CRCGA bertujuan menyediakan satu memorandum untuk dihantar kepada Suruhanjaya Reid.²⁸ Pada 24 Ogos 1956 CRCGA mengunjungi suruhanjaya tersebut untuk mengajukan memorandum dari pihak Huatuan.

²⁸ Suruhanjaya ini ditubuhkan oleh pihak British untuk menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu yang bakal merdeka. Suruhanjaya tersebut telah mendapatkan pandangan parti politik, organisasi bukan politik, dan orang-perseorangan tentang bentuk negara dan bangsa bagi Malaysia. Lord Reid dilantik mengetuai suruhanjaya ini.

Apabila Suruhanjaya Reid mengumumkan rang perlembagaan pada 21 Februari 1957, tuntutan-tuntutan Huatuan ternyata tidak diterima pakai. Suruhanjaya ini dikatakan menyediakan rang perlembagaan berdasarkan memorandum yang dihantar oleh Perikatan.²⁹ Ini menyebabkan kehampaan dan ketidakpuasan di kalangan pemimpin CRCGA. Mereka menuduh MCA tidak menunaikan tanggungjawabnya sebagai sebuah parti politik Cina. Seterusnya satu langkah drastik telah diambil oleh CRCGA, iaitu menghantar satu delegasi ke London untuk mengemukakan tuntutan-tuntutan Huatuan. Delegasi ini diketuai oleh Lau Pak Khuan, Tan Kee Gak, dan Yap Mau Tatt. Sebelum pemergian ke London, Tan Kee Gak membuat pengumuman bahawa " … the 1094 guilds and associations which represent over 2,000,000 Chinese in Malaya have given us a mandate. We are going to carry out … We do not expect the MCA to do anything for the Malayan Chinese." (Vasil 1980 : 105-106). Delegasi ini telah menemui kegagalan kerana tidak dilayan dengan baik oleh pegawai tinggi kerajaan British.

Dalam memperjuangkan hak kerakyatan untuk masyarakat Cina, MCA telah mengecewakan pemimpin Huatuan. MCA juga dituduh tidak memperjuangkan pendidikan Cina dan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara. Keadaan ini menyebabkan ahli-ahli MCA yang terdiri daripada pemimpin Huatuan merancang untuk menubuhkan sebuah parti yang diberi nama "Chinese General Association" untuk menggantikan MCA. Usaha ini diketuai oleh empat orang pemimpin yang tersohor, iaitu Lau Pak Khuan, Leong Chee Cheong,

²⁹ Perikatan mula dibentuk oleh UMNO dan MCA dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Menjelang pilihan raya tahun 1955, Malayan Indian Congress (MIC) menyertai pakatan tersebut. Perikatan merupakan formula pemerintahan berdasarkan kerjasama antara tiga buah parti politik ini dan memerintah negara ini sehingga tahun 1969 yang kemudiannya digantikan dengan Barisan Nasional yang didaftarkan secara rasminya pada 1 Jun 1974..

Cho Yew Fai, dan Lim Lian Geok (Heng 1988 : 239). Tindakan kumpulan ini mengejutkan pucuk pimpinan MCA. Pemimpin-pemimpin MCA mengatur langkah segera untuk memecahkan perpaduan empat orang tokoh di atas. Akhirnya Chow Yew Fai dan Lim Lian Geok bersetuju untuk tidak meneruskan usaha tersebut. Ini kemudiannya menyebabkan agenda penubuhan parti alternatif dalam "Kongres Tuntutan Hak Kerakyatan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Berdaftar Seluruh Tanah Melayu" yang berlangsung pada 27 April 1956 tidak dapat dilaksanakan. Dengan kegagalan misi CRCGA di London dan kecaman-kecaman dari UMNO, akhirnya gerakan ini terkubur begitu sahaja.³⁰

Walaupun perjuangan Huatuan dalam isu kerakyatan menemui kebuntuan tetapi gerakan itu telah mendatangkan manfaat kepada MCA. Desakan-desakan Huatuan yang mewakili permintaan masyarakat Cina diguna oleh MCA semasa berunding dengan UMNO bagi sekurang-kurangnya mendapatkan hak kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli* (Ibid : 241). Ini terbukti dengan pengumuman syarat kerakyatan dalam Kertas Putih mengenai perlombagaan pada 2 Julai 1957. Keadaan ini kemudiannya mewujudkan peluang kepada MCA untuk membaiki hubungan dengan Huatuan. Ekoran daripada ini, apabila MCA memulakan kempen menggalakkan orang Cina memohon kerakyatan, CRCGA di bawah pimpinan Lau Pak Khuan telah menyeru persatuan-persatuan Cina supaya menyertai kongres yang akan dilangsungkan pada 10 November 1957. Kongres anjuran MCA tersebut ternyata berjaya kerana mendapat sambutan daripada lebih kurang 700 buah Huatuan. Dengan usaha galakan MCA dan Huatuan. Sehingga

³⁰ Untuk maklumat terperinci tentang sebab kegagalan gerakan penubuhan parti alternatif ini lihat, Heng (1988 : 240-245).

tahun 1958 lebih kurang 200,000,000 orang Cina atau 86% dari jumlah keseluruhan orang Cina di Tanah Melayu telah memperoleh hak kerakyatan (Chui 1998 : 151).

Apabila memasuki dekad 50-an kuasa penjajah telah bersedia memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Oleh itu pihak British melantik dua buah jawatankuasa berasingan yang masing-masing meneliti masalah pendidikan Melayu dan Cina pada tahun 1951. Jawatankuasa pendidikan Melayu mengemukakan Laporan Barnes manakala jawatankuasa kedua pula menghasilkan Laporan Fenn-Wu. Laporan Barnes yang menyarankan pemansuhan sistem vernakular dan menggantikannya dengan sistem pelajaran kebangsaan menyebabkan kebimbangan dan kemarahan masyarakat Cina. Adalah tidak keterlaluan dikatakan bahawa laporan tersebut telah mencetuskan kelahiran satu gelombang perjuangan pendidikan Cina yang berkekalan hingga ke hari ini. Manakala Laporan Fenn-Wu pula bersimpati dengan pendidikan Cina dan mengesyorkan pengekalan sekolah-sekolah Cina dalam sistem pendidikan negara kita. Laporan Barnes merupakan sebuah dokumen yang penting dan kesannya berpanjangan. Ini dapat dilihat dalam penggubalan Ordinan Pelajaran 1952 dan Kertas Putih Pelajaran 1954 yang masih berpaksikan prinsip dalam laporan itu.

Laporan Barnes ini telah menyumbang kepada pertumbuhan Jiaozong dan Dongzong masing-masing pada tahun 1951 dan 1954. Kedua-dua pertumbuhan ini merupakan Huatuan yang utama terbabit dalam perjuangan untuk memelihara status bahasa dan pendidikan Cina.³¹ Pada tahun 1952 Jiaozong menghantar

³¹ Terdapat sejumlah kajian tentang peranan Dongjiaozong dalam usaha pemeliharaan ini. Antara yang penting ialah Tan (1992 & 1997) dan Wong (1981).

sebuah memorandum kepada pihak British yang mengkritik dengan keras Laporan Barnes dan meminta Ordinan Pelajaran 1952 dibentuk berdasarkan Laporan Fenn-Wu. Satu lagi memorandum juga dihantar kepada Madam Vijayalakshmi Pandit, presiden Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1954 untuk menarik perhatian pertubuhan antarabangsa itu terhadap dasar pendidikan di Tanah Melayu. Sementara itu pengurus Jiaozong, Lim Lian Geok mengkritik Laporan Barnes dan dua buah dokumen yang berkaitan dengan pedas.

Laporan Barnes mengumumkan penghapusan pendidikan Cina, Ordinan Pelajaran 1952 menjatuhkan hukuman mati kepadanya, dan Kertas Putih Pelajaran 1954 pula menggali kubur untuknya....

(Kua 1990a : 69).

Gerakan penentangan terhadap Ordinan Pelajaran 1952 mendapat momentum baru apabila MCA membuat keputusan untuk menghadiri satu kongres antara Jiaozong dengan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina peringkat negeri yang berlangsung pada 9 November 1952 di Kuala Lumpur. MCA memandang serius terhadap kongres ini dan presidennya, Tan Cheng Lock sendiri turut menyertainya. Perkembangan ini merupakan sesuatu yang baru bagi parti politik itu kerana sebelum ini MCA belum lagi membuat sebarang pendirian rasmi tentang pendidikan Cina. Dalam kongres itu, Tan Cheng Lock menjelaskan pendirian MCA yang menyokong pendidikan Cina. Antara lain tokoh ini menegaskan:

People do not become more civilized by losing contact with their own roots. A man's native speech is like his shadow, inseparable from his personality... culturally they must be independent and must

maintain a very strong intellectual and spiritual life of their own... At this critical juncture in the history of the growth and development of Chinese education and culture in Malaya... its cause has the full support of the Malayan Chinese Association.

(Sia 1997 : 36-37)

Ketiga-tiga pihak yang menyertai kongres itu kemudiannya menandatangani satu memorandum untuk dihantar kepada General Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British pada waktu itu. Apa yang lebih bermakna ialah mereka bersetuju untuk menujuhkan sebuah organisasi bersama di peringkat kebangsaan untuk memperjuangkan pendidikan Cina (Tan 1997 : 136). Dengan ketetapan ini satu lagi kongres antara ketiga-tiga pihak berlangsung pada 19 dan 20 April 1953. Dalam kongres tersebut, satu organisasi bernama Malayan Chinese Association Chinese Education Central Committee (MCACECC) atau lebih dikenali sebagai *Sanda Jigou* ditubuhkan untuk menerajui gerakan menentang Ordinan Pelajaran 1952. Organisasi ini menjadi salah satu jawatankuasa di bawah MCA setelah perbahasan dan pengundian dijalankan dalam kongres tersebut. Tan Cheng Lock dipilih mengetuai MCACECC. Dengan perkembangan ini maka bermulalan satu lembaran baru dalam kerjasama antara MCA dengan Dongjiaozong yang bertahan untuk beberapa lama.

Menjelang pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1955, satu pertemuan bersejarah antara pemimpin-pemimpin Perikatan dan Dongjiaozong telah berlangsung di kediaman Tan Cheng Lock di Melaka pada 12 Januari 1955. Pertemuan ini diatur untuk meraih sokongan orang-orang Cina dalam pilihan raya yang bakal diadakan itu. Antara tokoh penting Perikatan yang menghadiri pertemuan ini ialah Tunku Abdul Rahman, Dr. Ismail Abdul Rahman dari UMNO

dan Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh, dan H.S. Lee dari MCA. Manakala wakil penting dari Dongjiaozong terdiri daripada Lim Lian Geok, Sim Mow Yu, dan Cho Yew Fai.

Dalam pertemuan ini Tunku Abdul Rahman menolak permintaan Dongjiaozong untuk menetapkan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi kedua selepas bahasa Melayu. Namun beliau berjanji bahawa "if the Alliance were returned to power, it would see to it that the Chinese were given a chance to preserve their schools, language and culture" dan bersetuju untuk mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1952 dan Kertas Putih Pelajaran 1954 (Ibid : 156). Dengan jaminan ini para wakil Dongjiaozong memberitahu bahawa mereka tidak berniat untuk menggugat peluang kemenangan Perikatan dalam pilihan raya umum.

Apabila Perikatan memperoleh kemenangan besar dalam pilihan raya umum pertama tersebut, kerajaan baru pimpinan Tunku Abdul Rahman menunaikan janji mereka dengan melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji semula dasar pelajaran yang sedia ada. Jawatankuasa yang diketuai oleh Tun Abdul Razak Hussein ini telah mengemukakan laporannya yang lebih dikenali sebagai Laporan Razak pada 7 Mei 1956. Laporan ini dijadualkan untuk berkuat kuasa pada tahun 1957. Walaupun laporan ini memansuhkan Ordinan Pelajaran 1952 namun dokumen ini tetap menimbulkan keresahan dan bantahan masyarakat Cina.

Kebimbangan dan bantahan masyarakat Cina berpunca daripada perakuan Laporan Razak untuk mengutarakan "matlamat akhir" sistem pendidikan yang

berbunyi "Bahawa matlamat akhir dasar pendidikan dalam negara ini mestilah menyatukan kanak-kanak dari semua bangsa di bawah satu sistem pelajaran kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan..." (Malaya 1956 : Perenggan 12). "Matlamat akhir" ini dipersepsi oleh masyarakat Cina sebagai sesuatu yang boleh membawa kepada penghapusan sekolah Cina. Tambahan pula para pemimpin Dongjiaozong juga membantah cadangan laporan itu yang menetapkan hanya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu digunakan dalam peperiksaan umum. Mereka beranggapan bahawa peruntukan ini merupakan satu alat yang berupaya menyebabkan penukaran bahasa pengantar di sekolah Cina.

Sehari sebelum pengumuman Laporan Razak, jawatankuasa itu telah mengadakan satu pertemuan dengan persatuan-persatuan guru pada 6 Mei 1956. Pengerusi Jiaozong, Lim Lian Geok bersama dengan wakil Dongzong dan MCA mengambil kesempatan ini mendesak Tun Abdul Razak, menteri pelajaran waktu itu supaya menggugurkan "matlamat akhir" dalam laporan tersebut. Menteri pelajaran itu berjanji bahawa matlamat itu tidak akan dimasukkan ke dalam ordinan baru (Jiaozong 1987 : 375-376). Apabila Ordinan Pelajaran 1957 diumumkan janji itu ternyata ditepati. Dengan perkembangan ini, pendidikan Cina mengalami sedikit kelegaan dalam perkembangannya memandangkan sekolah Cina sudah diserap dalam sistem pendidikan negara.

Perjuangan Huatuan terutamanya Jiaozong untuk mengetepikan cadangan-cadangan dalam Laporan Razak yang didapati mengancam pendidikan Cina diteruskan. Wadah yang digunakan oleh para pemimpin Jiaozong ialah menerusi

MCACECC. Namun perjuangan ini menerima tamparan hebat apabila Sekolah Tinggi Chung Ling di Pulau Pinang secara tiba-tiba bersetuju menerima bantuan penuh kerajaan pada 22 Jun 1956 dan menjadi sekolah menengah Cina yang pertama bertukar menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai "conforming school".³² Kerajaan Perikatan berhasrat menjadikan Chung Ling sebagai sekolah model kepada sekolah-sekolah menengah Cina yang lain untuk mendapatkan bantuan penuh kerajaan dengan syarat mengajar kebanyakan mata pelajaran dalam bahasa Inggeris (Tan 1997 : 181). Peristiwa pertukaran status sekolah ini telah menggemparkan masyarakat Cina. Pemimpin-pemimpin Dongjiaozong menuduh peristiwa tersebut memudaratkan gerakan perjuangan pendidikan Cina. Kebimbangan terus mencengkam mereka apabila menteri pelajaran menegaskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada 6 Mac 1957 bahawa kerajaan tidak akan berganjak daripada ketetapan menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu dalam semua jenis peperiksaan awam (Tan 1984 : 297). Dengan perkembangan ini walaupun Ordinan Pelajaran 1957 membawa sedikit kelegaan namun pendidikan Cina terus dihantui oleh isu pertukaran status dan bahasa dalam peperiksaan awam. Oleh itu perjuangan Huatuan dalam hal ini diteruskan dan topik kecil di bawah mengupas perjuangan yang selanjutnya.

2.4.4 Peranan Huatuan Pasca-Kemerdekaan (1957-1969)

Kemerdekaan membawa harapan dan juga cabaran kepada pemimpin-pemimpin Malaysia. Mereka terpaksa menghadapi tugas berat dalam pembinaan negara-bangsa dan penyelesaian masalah perpaduan kaum. Kompromi dan

³² Maklumat terperinci tentang peristiwa pertukaran ini boleh didapati dalam Lim (1988 : 179-197) dan Tan (1997 : 209-242).

kerjasama yang dicapai oleh Perikatan sebelum kemerdekaan bukan sesuatu yang akan kekal lestari. Tuntutan-tuntutan kaum yang pelbagai dan berbeza merupakan cabaran yang mampu mempengaruhi keutuhan kerjasama dalam Perikatan. Secara umumnya tuntutan masyarakat Cina berkisar pada dua isu utama, iaitu kerakyatan dan pendidikan Cina. Isu kerakyatan telah dapat diselesaikan dengan agak menyeluruh menjelang kemerdekaan. Namun pendidikan Cina masih merupakan satu perjuangan yang belum selesai dalam masyarakat Cina.

Menyedari betapa pentingnya isu pertukaran status sekolah menengah Cina dan bahasa dalam peperiksaan awam, maka dua minggu selepas merdeka, MCACECC sudah meminta supaya satu pertemuan diadakan dengan menteri pendidikan yang baru.³³ Selain dua isu di atas, MCACECC turut ingin membawa dua isu baru, iaitu penetapan umur pelajar dan pembentukan lembaga pengelola sekolah ke meja rundingan (Tan 1997 : 243). Pertemuan itu hanya dilangsungkan pada 2 November 1957. MCACECC gagal dalam misinya kerana menteri pendidikan enggan memberi sebarang kelonggaran kepada isu pertukaran dan bahasa dalam peperiksaan awam. Menteri itu menangguhkan keputusan untuk isu had umur pelajar sehingga siasatan tentang jumlah sebenar pelajar terbabit selesai dijalankan. Manakala sedikit kelonggaran diberi kepada sekolah Cina dalam pembentukan lembaga pengelola sekolah (Ibid. : 246). Kegagalan dalam usaha ini akhirnya mencetuskan demonstrasi pelajar di beberapa buah sekolah menengah Cina di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur pada 14 November 1957. Demonstrasi ini kemudiannya merebak ke seluruh negara.

³³ Mohammed Khir Johari dilantik menjadi menteri pendidikan yang baru dalam satu rombakan kabinet selepas kemerdekaan. Tun Abdul Razak, menteri pendidikan yang lama pula menjadi menteri Keselamatan Negara dan Pertahanan.

Peristiwa demonstrasi pelajar itu tidak membawa manfaat kepada perjuangan pendidikan Cina dan gerakan itu terus mengalami kebuntuan. Namun perkembangan dalam parti MCA pada tahun 1958 membawa harapan baru kepada perjuangan itu. Hal ini demikian kerana pemilihan pucuk pimpinan parti pada bulan Mac 1958 telah memenangkan kumpulan yang diketuai oleh Dr. Lim Chong Eu.³⁴ Pucuk pimpinan baru ini didapati lebih lantang dalam memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat Cina (Cheah 1984 : 65-66). Presiden MCA baru itu menyatakan pendiriannya secara terbuka untuk mendapatkan kesamaan hak dan memastikan pengekalan bahasa dan sekolah Cina.

Atas dukungan Dr. Lim Chong Eu MCACECC memulakan tugas perjuangannya dengan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Tentang Pendidikan Cina di Ipoh pada bulan September 1958. Wakil-wakil dari sekolah Cina dan pertubuhan pendidikan Cina yang melebihi 250 orang telah menghadiri persidangan itu. Dr. Lim Chong Eu sendiri menyertai persidangan tersebut dan memberi ucapan menyokong pendidikan Cina (Tan 1997 : 256). Persidangan tersebut juga meluluskan ketetapan supaya satu persidangan yang lebih besar dan dihadiri oleh Huatuan dalam masyarakat Cina diadakan pada tahun berikutnya. Pengajuran persidangan yang demikian bertujuan menunjukkan bahawa perjuangan pendidikan Cina mendapat sokongan daripada Huatuan yang lain dan merupakan kehendak masyarakat Cina (Ibid. : 257). Persidangan yang dimaksudkan itu berlangsung di Kuala Lumpur pada 26 April 1959. Perwakilan dari 747 buah Huatuan di seluruh negara yang berjumlah 1,200 orang menghadiri

³⁴ Dalam pemilihan parti itu Dr. Lim Chong Eu yang bertanding untuk jawatan presiden telah mengalahkan Tan Cheng Lock. Rakan seperjuangannya, Too Joon Hing pula dapat mempertahankan jawatan Setiausaha Agung dengan mengalahkan Ong Yoke Lin. Pemimpin lain yang menyokong Dr. Lim ialah Yong Pung How, Ng Ek Teong, dan S.M. Yong.

pertemuan tersebut. Pada akhir persidangan itu, satu pernyataan yang mengandung empat tuntutan telah dikemukakan:

1. Bahasa ibunda hendaklah digunakan sebagai bahasa pengantar dan bahasa dalam peperiksaan untuk sekolah vernakular.
2. Pendidikan untuk semua kaum mestilah diakui dan diberi layanan yang adil.
3. Kerajaan hendaklah melantik wakil-wakil dari pertubuhan pendidikan Cina untuk membentuk satu Jawatankuasa Penasihat bagi pendidikan Cina yang bertujuan membantu kerajaan dalam menangani masalah yang berkaitan dengan pendidikan Cina.
4. Kerajaan diminta untuk menambah bantuan kewangan sebanyak 100% kepada sekolah-sekolah menengah Cina.

(Jiaozong 1987 : 430)

Kebuntuan terus merintangi gerakan perjuangan pendidikan Cina walaupun gerakan itu mendapat dukungan MCA. Gerakan itu menerima satu lagi kekangan apabila terletusnya krisis Perikatan ³⁵ pada bulan Julai 1959. Krisis itu menyaksikan peletakan jawatan oleh Dr. Lim Chong Eu sebagai presiden MCA. Pemimpin itu dan rakan seperjuangannya kemudian mengambil keputusan untuk meninggalkan MCA. Peristiwa ini memberi peluang kepada kumpulan yang diketuai oleh Tan Siew Sin untuk menguasai pucuk pimpinan MCA. Kumpulan Tan Siew Sin mempunyai pendirian yang jauh berbeza dengan kumpulan Dr. Lim Chong Eu dalam hal pendidikan Cina. Natijahnya segala aktiviti dan perjuangan

³⁵ Krisis ini berlaku apabila Presiden baru MCA, Dr. Lim Chong Eu menulis surat kepada Tunku Abdul Rahman menjelang pilihan raya tahun 1959 meminta supaya MCA diperuntukkan 40 kerusi parlimen dan pendidikan Cina diberi layanan yang lebih adil. Namun Tunku tidak setuju dengan permintaan tersebut dan mengumumkan Perikatan rela bertanding pilihan raya tanpa MCA. Tunku juga menetapkan syarat-syarat untuk MCA kembali ke Perikatan. Akhirnya Jawatankuasa Kerja Pusat MCA bermesyuarat dan membuat keputusan untuk akur kepada syarat-syarat tersebut, lihat antara lain Heng (1988 : 256-257) dan Tan (1997 : 260-266).

MCACECC telah lumpuh dan pertubuhan itu tidak lagi berfungsi selepas tahun 1959. Malah krisis tahun 1959 merupakan titik perubahan dalam perjuangan pendidikan Cina (Tan 1997 : 286). Dengan demikian laluan dalam perjuangan tersebut sudah dijangka menghadapi lebih banyak ranjau. Pengumuman Laporan Rahman Talib pada tahun 1960 membuktikan hakikat ini.

Tanpa sokongan MCA dan MCACECC, Jiaozong terpaksa meneruskan perjuangan bersendirian. Pertubuhan itu menghantar sebuah memorandum yang menegaskan penggunaan kurikulum bersama untuk tujuan integrasi, penubuhan sebuah Majlis Penasihat Pendidikan untuk pendidikan Cina, dan bahasa dalam peperiksaan mestilah bahasa pengajaran di sekolah kepada Jawatankuasa Rahman Talib (Ibid. : 266-267). Jiaozong juga meminta ahli-ahli komponennya untuk menghantar memorandum berasingan kepada jawatankuasa itu dan hasilnya sebanyak 28 buah memorandum telah dihantar.

Usaha yang dijalankan oleh Jiaozong tidak membawa sebarang hasil. Laporan Rahman Talib yang diumumkan dalam bulan Ogos 1960 ternyata lebih menggugat pendidikan Cina berbanding dengan Laporan Razak. Laporan Rahman Talib menekankan pelajaran mestilah disampaikan dalam bahasa kebangsaan di sekolah menengah yang menerima bantuan kewangan kerajaan. Seajar dengan itu laporan tersebut menyarankan supaya bantuan kewangan kepada sekolah menengah yang bukan berpengantar bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dimansuhkan mulai 1 Januari 1962 dan sekolah demikian dikenali sebagai Sekolah Persendirian (Malaya 1960 : Perenggan 175). Laporan itu turut menyatakan bahawa kesemua peperiksaan awam mesti diadakan dalam bahasa Melayu atau

bahasa Inggeris. Tegasnya cadangan-cadangan dalam laporan itu menghendaki sekolah-sekolah menengah Cina untuk menukar bahasa pengantar mereka supaya dapat diserapkan dalam sistem pelajaran kebangsaan.

Laporan Rahman Talib memberi pukulan hebat kepada perjuangan pendidikan Cina. Dalam kehampaan meraih sokongan MCA, Jiaozong dan Dongzong memanggil satu mesyuarat untuk sekolah dan pertubuhan Cina pada 5 November 1960. Sebanyak 100 wakil dari seluruh Malaysia telah menghadirinya. Mesyuarat tersebut sebulat suara menolak cadangan-cadangan Laporan Rahman Talib yang berkaitan dengan sekolah menengah Cina. Mesyuarat tersebut juga mengambil ketetapan menyeru sekolah-sekolah menengah Cina supaya memilih untuk keluar dari sistem pelajaran kebangsaan dan melepaskan semua bentuk bantuan kerajaan sekiranya kerajaan tidak mengubah pengakuan-pengakuan dalam laporan tersebut (Tan 1997 : 269).

Laporan Rahman Talib kemudiannya diluluskan oleh Parlimen dan dijadikan Akta Pelajaran 1961. Akta ini sekali lagi mencetuskan bantahan masyarakat Cina. Ini adalah kerana peruntukan Fasal 21(2) yang berhunyi "Menteri pelajaran berkuasa untuk menukar mana-mana satu sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan pada waktu yang difikirkan sesuai." (Malaya 1961 : Perenggan 2, Artikel 21). Pemimpin-pemimpin Dongjiaozong berpendapat fasal itu boleh menggugat masa depan serta mengubah ciri-ciri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Mereka mengutuk peruntukan itu sebagai niat kerajaan untuk menghapuskan sekolah Cina.

Jiaozong di bawah pimpinan pengurusnya, Lim Lian Geok menerajui gerakan bantahan terhadap Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961. Apabila kritikan-kritikan tokoh itu semakin pedas kerajaan mengambil keputusan untuk melenyapkan suara bantahannya. Kerajaan bertindak dengan menarik balik lesen mengajar dan sijil kewarganegaraan tokoh itu pada bulan Ogos 1961. Tindakan kerajaan ini sekali lagi mengekang gerakan perjuangan pendidikan Cina. Dengan perkembangan-perkembangan ini maka gerakan ini telah memasuki zaman kemalapan. Ini dapat dilihat dalam kewujudan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang bergantung sepenuhnya kepada derma dan sokongan komuniti Cina selepas pengenalan Laporan Rahman Talib. Tambahan pula pada penghujung tahun 1961 bilangan sekolah menengah Cina yang memilih untuk menukar kepada jenis kebangsaan ternyata lebih banyak, iaitu 54 buah berbanding dengan 17 buah SMPC (Tan 1997 : 274). Manakala Fasal 21(2) dalam Akta Pelajaran 1961 pula merupakan satu ancaman tetap kepada pendidikan Cina.

Perjuangan Huatuan terhadap bahasa Cina memuncak kembali pada tahun 1965. Keadaan ini berlaku berikutan dengan pengumuman kerajaan untuk menggubal Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan pada tahun tersebut dan kerajaan berniat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal mulai September 1967 (Heng 1988 : 255). Pengumuman ini telah menimbulkan reaksi yang hangat dalam pertubuhan-pertubuhan Cina seperti Jiaozong, Dongzong, CCC, dan *Huiguan*. Huatuan ini kemudiannya membentuk "Working Committee of Chinese Guilds and Associations of Malaysia" di bawah pimpinan Sim Mow Yu, pengarsi Jiaozong dan Timbalan Ketua Pemuda MCA untuk memperjuangkan "a more liberal use of the Chinese language for official

purposes" (*Ibid.*: 256). Permintaan ini dapat diertikan sebagai tuntutan menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara. Tuntutan ini merupakan lanjutan daripada perjuangan Huatuan yang lebih awal, iaitu menjelang pilihan raya tahun 1955 dan semasa pembentukan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957. Tuntutan ini amat penting kerana kebuntuan yang melanda perjuangan pendidikan Cina dan permintaan kesamarataan hak dikatakan berpunca daripada kegagalan menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara (Chui 1990 : 396).

Jawatankuasa kerja yang dibentuk oleh Huatuan itu menghantar sebuah memorandum kepada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman. Memorandum itu meminta supaya bahasa Cina diberi taraf bahasa rasmi negara dan boleh digunakan dalam semua majlis rasmi.³⁶ Walau bagaimanapun memorandum tersebut tidak mendapat sebarang respons daripada Tunku Abdul Rahman. Keadaan yang demikian menyebabkan jawatankuasa melancarkan kempen tandatangan untuk menunjukkan kekuatan sokongan Huatuan terhadap memorandum itu. Sebanyak 1201 buah pertubuhan Cina telah menyokong kempen tersebut (Sia 1997 : 48).

Perjuangan Huatuan itu sekali lagi mendapat bantahan kuat daripada MCA. Pucuk pimpinan MCA berpendapat pergerakan tersebut merupakan satu perjuangan perkauman yang kontroversial. Mereka menganggap bahawa hubungan dengan UMNO akan menjadi tegang dan Perikatan akan musnah jika MCA membuat tuntutan sedemikian. Pendirian yang demikian mengakibatkan pucuk pimpinan parti meluluskan satu ketetapan pada tahun 1965 untuk menyekat usaha

³⁶ Butiran lanjut tentang memorandum itu boleh didapati dalam *Memorandum to the Prime Minister for a Rightful Place of the Chinese Language*, Protom Working Committee of Representatives of Chinese Associations and Guilds of Malaysia, 4 Disember 1965.

tersebut dan mengarahkan ahlinya supaya tidak terbabit dalam perjuangan itu (Cheah 1984 : 131). Dalam keadaan ini maka peranan yang dimainkan oleh Sim Mow Yu dalam perjuangan itu telah mendapat kritikan pihak MCA. Pertentangan antara Sim Mow Yu dan Tan Siew Sin, Presiden MCA semakin memuncak dan pada 18 Oktober 1966, Timbalan Ketua Pemuda itu pun disingkir dari parti.

Perjuangan Huatuan untuk memperoleh pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan telah tamat apabila Akta Bahasa Kebangsaan dikuatkuasakan dalam tahun 1967. Dengan termaktubnya akta itu, maka bahasa Inggeris kehilangan kedudukannya sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Kedudukan bahasa Melayu dimaktubkan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan menjadi perkara sensitif yang tidak boleh dipertikai oleh sesiapapun mulai tahun 1971 (Milne & Mauzy 1982 : 123).

Dalam bulan November 1967, gerakan pendidikan Cina ditimpa nasib malang lagi apabila Kementerian Pendidikan mengetatkan syarat bagi pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Dalam arahan kementerian, para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri diwajibkan memiliki kelayakan "Cambridge School Certificate" atau "Malaysian Certificate of Education". Peraturan baru ini menyekat peluang pelajar-pelajar lepasan SMPC untuk mendapat pendidikan tinggi di luar negara. Pemimpin-pemimpin Huatuan, terutamanya Dongjiaozong terpaksa mencari jalan keluar untuk golongan pelajar ini, maka dalam keadaan inilah tercetusnya idea penubuhan Universiti Merdeka pada penghujung tahun 1967 (Jiaozong 1987 : 492-493).

Gagasan Dongjiaozong itu mendapat sambutan yang hangat daripada Huatuan di seluruh negara. Pada 14 April 1968 pertubuhan itu menganjurkan mesyuarat untuk penaja-penaja Universiti Merdeka. Perwakilan dari 199 buah pertubuhan Cina yang berdaftar telah menghadiri mesyuarat tersebut (Cheah 1984 : 137). Deklarasi Universiti Merdeka juga diumumkan pada hari yang sama dan Jawatankuasa Kerja Penubuhan Universiti Merdeka turut dibentuk. Dongjiaozong telah menghantar sepucuk surat kepada Tunku Abdul Rahman yang menegaskan bahawa tujuan penubuhan universiti itu ialah "semata-mata kerana memberi peluang kepada para pelajar yang sekian ramai itu untuk melanjutkan pelajaran tingginya ... demi kebaikan rakyat dan negara sahaja, tidak ada perasaan perkauman atau berniat politik langsung." (Sia 1997 : 51). Namun Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan idea penubuhan universiti tersebut dan menganggapnya semata-mata untuk masyarakat Cina dan tidak akan membawa manfaat kepada integrasi kaum dalam negara kita (Ibid.).

Haluan MCA dan Dongjiaozong yang bertentangan terserah sekali lagi dalam isu penubuhan Universiti Merdeka. Pucuk pimpinan MCA menyifatkan gagasan tersebut sebagai cara penyelesaian kepada masalah pendidikan Cina yang tidak dapat diterima oleh masyarakat Malaysia secara keseluruhan (Ibid.). Oleh hal yang demikian Jawatankuasa Kerja Pusat MCA telah meluluskan usul tidak menyokong penubuhan universiti tersebut pada 3 Februari 1968 (Cheah 1984 : 137). Keadaan menjadi lebih buruk apabila MCA mencadangkan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman sebagai satu langkah untuk menentang gerakan penubuhan universiti tersebut. Kelulusan penubuhan kolej tajaan MCA itu telah diperoleh pada 14 Julai 1968, iaitu sebelas hari selepas permohonannya dikemukakan kepada

Kementerian Pendidikan. Pemimpin-pemimpin Dongjiaozong menyifatkan penubuhan kolej itu sebagai satu komplot untuk menghapuskan bahasa dan pendidikan Cina. Dengan perkembangan yang demikian rintangan yang mendepani gerakan penubuhan Universiti Merdeka semakin besar dan rancangan itu tergendala dengan tercetusnya rusuhan kaum 13 Mei.

Walaupun perjuangan Huatuan memfokus kepada penjagaan kepentingan masyarakat Cina namun semasa konfrontasi Malaysia-Indonesia, Huatuan telah menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi. Ini dapat dilihat apabila DPCS menganjurkan satu perhimpunan perwakilan Huatuan yang diberi nama Kongres Perpaduan Kaum dan Muhibah Orang-Orang Cina Malaysia pada 20 Jun 1965. Pada hari tersebut sebanyak 183 buah Huatuan dengan perwakilan yang berjumlah 286 orang telah menghadirinya (Ibid. : 142). H.S. Lee dilantik menjadi pengurus sementara kongres tersebut. Dua resolusi yang diluluskan sebulat suara itu menyeru orang-orang Cina bersatu padu dengan kaum lain untuk menyokong Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dalam menghadapi serangan Indonesia dan menentang setiap konspirasi untuk menggugat perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia.

2.5 Rumusan

Sejarah perkembangan Huatuan yang panjang turut menyaksikan perubahan dalam peranannya dalam masyarakat Cina. Dari peranan awalnya yang hanya menjaga kebijakan para ahlinya, Huatuan telah muncul sebagai pertubuhan yang berpengaruh dalam memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat Cina. Perubahan ini berlaku sejajar dengan perkembangan politik tanah air, iaitu

kemerdekaan Malaysia. Selain itu perubahan identiti kenegaraan orang Cina yang mengkiblat ke Tanah Melayu menjelang kemerdekaan juga menyumbang kepada perubahan peranan Huatuan. Dalam keadaan ini pemimpin-pemimpin masyarakat Cina ingin melihat orang-orang Cina mempunyai hak dan tempat di negara yang baru merdeka dan pegangan yang demikian telah mewarnai perjuangan Hua Tuan. Perjuangan ini turut menyumbang kepada kemunculan beberapa pertubuhan peneraju seperti Dongjiaozong, DPCS, dan ACCCIM yang bakal memainkan peranan dalam masyarakat Cina dan juga politik negara kita.